

**KAJIAN TERHADAP PEMETAAN RUMAH  
TRADISIONAL MELAYU JOHOR DI DAERAH  
MUAR, JOHOR**

**NURUL HUDA BINTI AZMAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SERJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP PEMETAAN RUMAH  
TRADISIONAL MELAYU JOHOR DI DAERAH  
MUAR, JOHOR**

OLEH:

**NURUL HUDA BINTI AZMAN**

Projek penyelidikan ini dibuat bagi memenuhi syarat bagi Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

<input checked="" type="checkbox"/>	<b>TERBUKA</b>	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input type="checkbox"/>	<b>SEKATAN</b>	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____
<input type="checkbox"/>	<b>SULIT</b>	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
<input type="checkbox"/>	<b>TERHAD</b>	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*


Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar



Tandatangan Penyelia



**FARRAH ATIKAH BINTI SAARI**  
*Pensyarah*  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok, Kelantan.

Tarikh: 16 Februari 2023

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: \*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan/sekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

<input checked="" type="checkbox"/>	<b>OPEN ACCESS</b>	I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)
<input type="checkbox"/>	<b>EMBARGOES</b>	I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee. Date from _____ until _____
<input type="checkbox"/>	<b>CONFIDENTIAL</b>	(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
<input type="checkbox"/>	<b>RESTRICTED</b>	(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.


1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



.....  
Date: 16 February 2023

Signature of Supervisor



**FARRAH ATIKAH BINTI SAARI**  
*Pensyarah*  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok, Kelantan.

.....  
Date: 16 February 2023

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur kehadiran Ilahi kerana limpah kurnianya, dapat saya menghasilkan penulisan tesis dengan sempurna dan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia Projek Penyelidikan bimbingan saya iaitu Puan Farrah Atikah binti Saari yang banyak memberi buah fikiran, tunjuk ajar serta ilmu pengetahuan dalam menyempurnakan penulisan tesis. Tanpa tunjuk ajar, teguran dan pembetulan daripada beliau mungkin sukar saya menyempurnakan penyelidikan ini.

Seterusnya, saya lafazkan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dari segi emosi, rohani serta kewangan. Dengan sokongan tersebut saya menguatkan diri untuk meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, saya juga berterima kasih kepada rakan seperjuangan dalam projek penyelidikan kerana bersama-sama membantu diantara satu sama lain bagi menjayakan penyelidikan ini. Bantuan serta sokongan daripada rakan-rakan sangat saya hargai. Akhir sekali, saya sampaikan terima kasih saya kepada mereka yang secara langsung atau tidak langsung membantu saya dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

**Kajian Terhadap Pemetaan Rumah Tradisional Melayu Johor di Daerah Muar,  
Johor.**

**ABSTRAK**

Projek penyelidikan ini berkaitan satu “Kajian Terhadap Pemetaan Rumah Tradisional Melayu Johor di Daerah Muar, Johor”. Rumah tradisional Melayu Johor mempunyai identitinya sendiri dengan mengikut budaya, persekitaran, ekonomi dan iklim kawasan mereka tersendiri. Rumah tradisional Melayu di Malaysia terutama di Semenanjung mempunyai konsep, falsafah ruang dan fungsi yang hampir sama berasaskan kepada ajaran agama Islam dan budaya Melayu, menurut Ar Mastor Surat, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Kamarudin Ab. Razak (2010). Penyelidikan yang dijalankan adalah mengikut objektif kajian yang telah dikemukakan antaranya mengenal pasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor di Daerah Muar, menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor dan menilai keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif seperti temu bual, edaran borang soal selidik beserta pemerhatian di kajian lapangan. Kewujudan rumah tradisional Melayu Johor atau terkenal dengan rumah Limas Johor diketengahkan di dalam penyelidikan ini oleh kerana peredaran zaman dan perubahan inovasi teknologi yang semakin maju. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pelbagai pihak tidak kira di peringkat masyarakat sehingga ke pihak kerajaan terutama di dalam bidang konservasi warisan seni bina rumah tradisional Melayu Johor.

Kata kunci: *Daerah Muar, fasad rekabentuk rumah, Rumah Limas Johor, seni bina, tahap pemuliharaan*

***A Study on the Mapping of Traditional Johor Malay Houses in Muar District, Johor.***

**ABSTRACT**

*This research project is related to a "Study on the Mapping of Traditional Johor Malay Houses in Muar District, Johor." Traditional Johor Malay houses have their own identity by following their own culture, environment, economy, and climate. Traditional Malay houses in Malaysia, especially in the peninsula, have a similar concept, philosophy of space, and function based on the teachings of Islam and Malay culture, according to Ar Mastor Surat, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman and Kamarudin Ab. Razak (2010). The research carried out is in accordance with the objectives of the study that have been identified, which include identifying the number of distribution traditional Johor Malay houses in Muar District, analyzing the level of conservation of traditional Johor Malay houses and assessing the features of the facade design of traditional Johor Malay houses. The researcher used a qualitative research design such as interviews, the distribution of questionnaires, and field research observations. Because of the passage of time and changes in technological innovation, the existence of traditional Johor Malay houses, also known as Johor Limas houses, is highlighted in this research. The researcher hopes that this study can help all parties from the community level to the government, especially in the field of conservation of the architectural heritage of traditional Johor Malay houses.*

*Keywords: architecture, facade of house design, Limas Johor's house, Muar District, level of conservation*

## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>		<b>MUKA SURAT</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>		<b>i</b>
<b>THESIS DECLARATION</b>		<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>		<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>		<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>		<b>v</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>		<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>		<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>		<b>x</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Permasalahan Kajian	3
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	5
	1.7 Batasan Kajian	6
	1.8 Kepentingan Kajian	7
	1.9 Definisi Termonologi	12
	1.10 Penutup	14



<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>
2.1	Pengenalan 15
2.2	Rumah Tradisional Di Malaysia 17
2.3	Ciri-Ciri Rumah Tradisional Melayu Johor 20
2.4	Identiti Ukiran Kayu Rumah Tradisional Limas 21
2.5	Pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu Johor 31
2.6	Penutup 37
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLGI KAJIAN</b>
3.1	Pengenalan 38
3.2	Reka Bentuk Kajian 39
3.3	Lokasi Kajian 40
3.4	Instrumen Kajian 42
3.5	Populasi dan Sampel Kajian 43
3.6	Kaedah Pengumpulan Data 44
3.7	Jangkaan Dapatan Kajian 48
3.8	Penutup 49
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL DAPATAN KAJIAN</b>
4.1	Pengenalan 50
4.2	Demografi Responden 51
4.2.1	Jantina Responden 52
4.2.2	Umur Responden 52

	4.2.3	Jenis Pekerjaan	53
	4.3	Dapatan Kajian 1: Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Johor di Daerah Muar, Johor	54
	4.4	Dapatan Kajian 2: Tahap Pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu Johor	58
	4.5	Dapatan Kajian 3: Keistimewaan reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor	69
	4.6	Penutup	97
<b>BAB 5</b>		<b>PERBINCANGAN, CADANGAN, KESIMPULAN</b>	
	5.1	Pengenalan	98
	5.2	Perbincangan Mengenai Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Johor di Daerah Muar	99
	5.3	Perbincangan Mengenai Tahap Pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu Johor	101
	5.4	Perbincangan Mengenai Keistimewaan Reka Bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor	102
1	5.5	Cadangan	104
	5.6	Kesimpulan	105
	5.7	Penutup	106
		<b>RUJUKAN</b>	<b>107</b>
		<b>LAMPIRAN</b>	<b>111</b>

## SENARI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.1	Jadual Untuk Kaedah Kajian Yang Telah Dilaksanakan	47
4.1	Jadual Bilangan penduduk tempat kediaman, isi rumah dan purata saiz rumah mengikut mukim/daerah kecil Muar, Johor, 2020	51
4.2	Bilangan Rumah Tradisional Melayu Johor Mengikut Mukim	54
4.3	Taburan respondern berkaitan tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor	59

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARI RAJAH**

<b>NO.</b>		<b>Muka Surat</b>
1.6	Peta 11 Mukim di Daerah Muar, Johor	6
2.1	Rumah Tradisional Hajah Zunah	18
2.2	Rumah Tradisional Penghulu Haji Abbas	19
2.3	Rumah Tradisional Tok Wan Jamilah	18
2.4	Lakaran Bumbung Panjang Johor	20
2.5	Carta hasil dapatan kajian peratusan bagi motif flora, fauna, geometri, kaligrafi dan kosmos	23
2.6	Hasil Kajian Gabungan Motif Flora Dan Motif Geometri	24
2.7	Hasil Kajian Gabungan Motif Kaligrafi Dan Motif Fauna	24
2.8	Rumah Limas di Batu Pahat yang Dimiliki oleh Halimah	25
2.9	Ukiran Bermotif Fauna Pada Rumah Limas yang Dimiliki oleh Halimah	26
2.10	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Labu	27
2.11	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Kancang Buncis	27
2.12	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Ati-Ati	28
2.13	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Bunga Kunyit	28
2.14	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Nenas	29
2.15	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Bunga Melor	29
2.16	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Bunga Tanjung	30
2.17	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Rebung Buluh	30
2.18	Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Ulam Raja	31
2.19	Rumah tradisional Melayu Johor Tuan Zaaba	32
2.20	Tuan Zaaba dan Rumah Limas Miliknya	33
2.21	Rumah Tradisional Melayu Moden (Pandangan Hadapan)	34
2.22	Rumah Tradisional Melayu Moden (Pandangan Tepi)	35
2.23	Rumah Bugis	65
3.1	Peta Daerah Muar. Koordinat: 2.0509025789603927	40
3.2	Kerangka Kajian	41

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.</b>		<b>Muka Surat</b>
4.1	Jantina Responden	52
4.2	Umur Responden	52
4.3	Jenis Pekerjaan	53
4.4	Temu bual Bersama Penghulu Mukim Parit Bakar dan Ketua-ketua Kampung	55
4.5	Mengenal pasti Rumah Tradisional Melayu Johor Bersama Ketua Kampung Pinan Seribu	55
4.6	Rumah Terbiar di Mukim Bakri	56
4.7	Rumah Usang di Mukim Bandar	56
4.8	Taburan Bilangan Ruma Mengikut Mukim	57
4.9	Fasad Rumah Haji Abdul Razak bin Haji Yusuf	69
4.10	Fasad Rumah Encik Haji Ismail bin Sarip	71
4.11	Rumah Puan Abidah di dalam New Straits Times, 2006	72
4.12	Fasad Rumah Puan Suhana binti Sukardi	73
4.13	Serangan auai-anai	74
4.14	Cat Mengelupas pada tingkap	74
4.15	Fasad Rumah Mohd Reza bin Nazran	75
4.16	Fasad Rumah Mokhtar bin Masnot	77
4.17	Silling daripada Kayu dan Motif Ukiran Dinding	78
4.18	Fasad Rumah Abdul Jalal bin Dollah	79
4.19	Fasad Rumah Baruddin bin Abdul Rahman	81
4.20	Fasad Rumah Mohd Hanfiah bin Kemad	83
4.21	Fasad Rumah Norliah binti Mohd Desa	85
4.22	Fasad Rumah Halimaton binti Hussin	87
4.23	Fasad Rumah Hasiah binti Ramlan	89
4.24	Fasad Rumah Abdullah bin Musa	91
4.25	Haji Mahmud bin Haji Manan, Pemilik asal rumah limas Johor	92
4.26	Fasad Rumah Nur Farahin binti Rahman	93

<b>NO.</b>		<b>Muka Surat</b>
4.27	Fasad Rumah Yusuf bin Sarmadi	95
4.28	Aktiviti Menukar Cat Pada Anjung Rumah Limas	96
5.1	Rumah Limas Johor di Laman Seni Warisan, Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor	99
5.2	Jenis Bumbung Rumah Limas di Johor	99
5.3	Pembinaan Rumah Limas di Parit Bakar, Muar	100
5.4	Buku Limas Johor; Seni bina dan Pensejarahan 2010	102

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kerajaan negeri Johor merupakan sebuah negeri yang kaya dengan adat, budaya, bangunan warisan dan sejarah kepimpinan pentadbiran tokoh negara. Di dalam bab 1 ini akan menerangkan perkara berkaitan latar belakang, permasalahan kajian, persolan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian. Perkara-perkara tersebut akan dijelaskan diawal kajian yang dikaji oleh pengkaji untuk memberi pendedahan awal kepada pembaca berkaitan tajuk dan objekti kajian yang telah dipilih.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Penghijrahan penduduk Kepulauan Melayu ke negeri Johor membawa bersama mereka adalah tradisi, adat istiadat, kebudayaan dan cara hidup tempat asal mereka. Penghijrahan tersebut banyak mempengaruhi corak kebudayaan dan kesenian masyarakat Johor. Salah satu tradisi yang dibawa dan

mempengaruhi budaya masyarakat Johor ialah reka bentuk rumah dari segi bumbung. Rumah tradisional Melayu Johor banyak dipengaruhi oleh kaum Bugis, Jawa dan Ahceh. Pengaruh daripada suku kaum lain telah menrevolusikan rumah tradisional Melayu Johor mengikut unsur-unsur budaya mereka dan perubahan berlaku kepada reka bentuk rumah tradisional (Nik Abdul Rahman et al., 2010). Rumah tradisional Melayu yang ada di Malaysia merupakan lambang atau bukti kepada generasi akan datang serta negara luar bahawa nenek moyang kita mampu membina dan mendirikan rumah yang kukuh, sistematik dan unik.

Menurut *Walker* (1989), seni reka dikaitkan dengan banyak bidang seperti grafik, fesyen, hiasan dalaman, kejuruteraan, seni bina, industri dan produk. Bidang seni reka meliputi susunan bentuk sesuatu corak yang melibatkan perancangan dan bukannya dihasilkan dengan tidak sengaja. Oleh kerana itu, di dalam seni bina rumah tradisional Melayu Johor mempunyai seni reka bentuk yang hebat. Manakala reka bentuk berkait rapat dengan kaedah penghasilan sesuatu seni atau kraf. Elemen reka bentuk seperti garisan, ruang warna, tekstur dan nilai (*value*) telah diterabkan di dalam seni bina rumah tradisional Melayu Johor yang menjadikan sesebuah rumah itu estetik dan mempunyai fungsi disetiap bahagian rumah tersebut.

Keindahan yang cuba dipamerkan melalui seni bina rumah tradisional Melayu Johor telah menjadikan rumah tersebut sebagai satu warisan yang perlu dipulihara dan di konservasi. Oleh kerana naluri kecintaan terhadap kecantikan dan keindahan telah menyebabkan ukiran kayu berkembang daripada golongan bangsawan kepada golongan rakyat biasa (Zulkifli Hanafi, 2007).



### 1.3 Permasalahan Kajian

Pemilihan tajuk kajian berdasarkan permasalahan yang ditimbulkan berdasarkan kajian awal oleh pengkaji. Antara permasalahan tersebut adalah:

#### **Memulihara dan mengekalkan identiti reka bentuk keindahan rumah tradisional Melayu Johor.**

Peredaran zaman telah menyumbang kepada kekurangan pembinaan seni bina rumah tradisional oleh faktor-faktor tertentu. Perkara ini telah dikemukakan Yilmaz dan Maz (2006) menyatakan bahawa di zaman ini banyak adat dan budaya yang diancam kepupusan, hilang, musnah dan luput dari memori ahli keluarga yang berpindah mengejar arus kemodenan. Oleh kerana tidak mahu berlaku kepupusan identiti reka bentuk rumah tradisional Melayu Johor ini, satu kajian lepas berkaitan Identiti ukiran kayu bagi rumah Limas Johor telah dijalankan oleh Hanita binti Yusof (2018). Seterusnya perkara ini disokong lagi dengan kajian inventori yang dijalankan oleh penulis Norazila Kamarulzaman (2019), berlakunya pengubahsuaian reka bentuk terhadap rumah tradisional. Oleh itu, pengkaji mengemukakan pernyataan masalah memulihara dan mengekalkan identiti reka bentuk keindahan rumah tradisional Melayu Johor bagi mencari penyelesaian masalah tersebut.

#### **Kekurangan kepakaran dalam seni bina rumah tradisional Melayu Johor.**

Seni bina rumah tradisional Melayu Johor memerlukan kepakaran bukan sahaja dari segi tukang namun dari segi sejarah atau asal usul seni bina rumah tradisional perlu diambil tahu. Permasalahan ini disokong oleh Zawiyah Baba (2010), sangat sedikit lelaki muda atau wanita pada masa kini dilihat boleh

dijadikan pelapis kerana terdapat kekurangan jawatan kerja tetap di bengkel ukiran kayu sedia ada untuk bergiat secara kekal. Kekurangan ilmu sejarah berkaitan identiti reka bentuk rumah tradisional akan menyebabkan kekeliruan oleh generasi akan datang untuk mengenali seni bina rumah tradisional Melayu Johor.

### **Lambakan rumah tradisional Melayu Johor yang terbiar**

Peningkatan lambakan rumah tradisional Melayu Johor semakin hari semakin tidak dibendung oleh kerana ketidak pentingan rumah tersebut kepada kawasan daerah mahupun kerajaan negeri. Menurut Zuraini Md. Ali (2015), ada menuliskan kebimbangannya iaitu cabaran dalam pencarian senibina warisan serta menjalankan usaha konservasi di mana kesukaran mengenalpasti senibina-senibina tersebut. Rumah tradisional Melayu Johor yang terbiar tanpa pemuliharaan akan menyukarkan mengenalpasti seni bina rumah tersebut.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Berapakah bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor yang masih terdapat di Daerah Muar, Johor?
2. Sejauh manakah tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar?
3. Dimanakah nilai keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor?


### 1.5 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berpandukan objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor di Daerah Muar.
2. Menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.
3. Menilai keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor.

### 1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang ada bertujuan sebagai landasan kepada pengkaji agar tidak melebihi daripada kajian terhadap pemetaan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar. Selain itu, kajian terhadap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor dan keistimewaan rumah tradisional Melayu Johor juga merupakan skop kajian yang perlu difokuskan. Pengkaji telah memilih daerah Muar sebagai lokasi kajian oleh kerana Muar merupakan salah satu daerah awal yang mengalami penghijrahan oleh kaum kepulauan seperti Jawa, Bugis dan Aceh. Daerah Muar berkeluasan 2346.12 km persegi dengan penduduk seramai 328,695 orang (bancian 2000). Daerah Muar terdapat 11 mukim dan disetiap mukim yang mempunyai pegawai daerah, penghulu, dan ketua kampung yang menjadi institusi kepimpinan tradisional, menurut (Kassim Thukiman, 2011). Disetiap mukim juga terdapat seni bina rumah tradisional Melayu Johor yang perlu dikaji.



**Rajah 1.1.:** Peta 11 Mukim di Daerah Muar, Johor.

(Sumber: Pentadbiran Tanah Johor)

## 1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah memberi pengkaji untuk lebih mengfokuskan pada bahagian yang hanya berkaitan dengan rumah tradisional Melayu Johor. pengkaji tidak berupaya untuk mengkaji sesuatu yang besar secara lebih khusus. Oleh itu pengkaji meletakkan skop dan ruang yang agak terhad dalam mengkaji kajian ini. Dalam bahan kajian ini, tema yang digunakan adalah universal iaitu tema seni. Pengkaji mengfokuskan kajian rumah tradisional Melayu Johor di enam buah mukim dalam daerah Muar. Hal ini kerana terdapat limitasi yang dihadapi oleh pengkaji iaitu jumlah keluasan daerah yang terlalu luas dan keberadaan negara dalam fasa peralihan endemik oleh penyakit Covid-19. Dengan menggunakan kaedah kajian yang telah dipilih dapat membantu pengkaji dalam mengumpul data dan menjawab kesemua objektif kajian.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan oleh pengkaji sudah pasti mempunyai kepentingan dan keperluan pada setiap kelompok masyarakat:

### I. Individu

Kajian terhadap pemetaan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar perlu dijalankan agar memberi sumber maklumat baharu berdasarkan pemerhatian pengkaji serta pendapat dan pandangan daripada tuan rumah tersebut. Kajian ini juga membantu individu yang memerlukan data berkaitan rumah tradisional Melayu Johor yang hanya berada di daerah Muar. Selain daripada itu, individu tersebut juga akan mengetahui lebih dekat berkaitan rumah tradisional Melayu Johor yang berada di daerah Muar dengan lebih terperinci. Dengan kajian ini juga, individu tersebut akan didedahkan dengan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Kajian terhadap pemetaan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar ini lebih memudahkan individu memahami kenapa, bagaimana, siapa yang akan mengetengahkan pengetahuan tentang rumah tradisional Melayu Johor ini.

### II. Masyarakat

Penghasilan kajian yang dijalankan dalam projek penyelidikan I & II ini memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetahui dan mengenalpasti kesan pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Johor ini. Oleh kerana negara sedang menuju pembangunan yang mampan, terdapat diantara warisan yang tidak dipulihara, dan dijaga oleh masyarakat setempat. Dengan adanya

kajian terhadap kesan pemuliharaan ini dapat memberi tahu masyarakat bahawa pemuliharaan terhadap sesuatu warisan sangatlah penting dan berharga kerana menjadi salah satu aset masyarakat akan datang.

Kesan pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Johor akan memberikan kesan yang positif kerana cadangan-cadangan pemuliharaan rumah tradisional Melayu dapat mengekalkan identiti masyarakat Melayu terutama dari segi seni bina rumah. Di samping itu, masyarakat dapat mempromosikan reka bentuk rumah tradisional Melayu Johor dengan memberi pendedahan kepada masyarakat setempat mahupun rakyat negara luar bagi mengenali warisan rumah tradisional Johor yang terdapat di Malaysia. Warisan yang ada di negara kita perlu diambil peduli dan lakukan beberapa tindakan agar tidak pupus bergitu sahaja tanpa melakukan sebarang pemuliharaan dan penjagaan. Hal ini kerana masyarakat lebih dekat dengan sesuatu warisan seperti rumah tradisional Melayu Johor ini. Oleh kerana kewujudan rumah tradisional Melayu Johor wujud disebabkan budaya sesuatu masyarakat, oleh itu masyarakat juga bertanggungjawab memainkan peranan dalam memulihara dan memelihara warisan rumah tradisional Melayu Johor.

### III. Jabatan Warisan Negara

Kajian pemetaan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar membolehkan konservator negara untuk turut mengkaji mengenai kesan pemuliharaan dan keistimewaan reka bentuk rumah tradisional Melayu Johor. Secara umumnya, pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor tidak dititiberatkan seperti mana Rumah Penghulu Abdul Ghani, Masjid Insaniah Kampung Kuala Dal, Padang Rengas, Perak dan Rumah No 138, Hutton Lane, Georgetown, Pulau Pinang. Hal pemuliharaan hanya diambil tahu oleh tuan rumah tanpa mendapat nasihat atau berbincang dengan pihak Jabatan Warisan Negara (JWN). Jabatan Warisan Negara boleh mengarahkan konservator terlatih untuk mengendalikan pemuliharaan terhadap rumah tradisional ini agar hasil pemuliharaan lebih berjaya dan kekal dalam tempoh yang lama.

Oleh kerana iklim negara panas, hujan dan lembab ianya memberi kesan jangka pendek kepada rumah tradisional Melayu Johor sekiranya tiada pihak Jabatan Warisan Negara yang mengambil tindakan. Dengan kajian ini dapat mewujudkan kerjasama Jabatan Warisan Negara dengan masyarakat tempatan dalam prosese pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor. Dengan cara ini dapat memudahkan proses pemuliharaan kerana saling bertukar pendapat dan pandangan. Pihak Jabatan Warisan Negara juga boleh merekod dan memperolehi data-data sejarah yang baru sekiranya menjalankan pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Johor.

#### **IV. Institusi Pendidikan**

Institusi pendidikan merupakan badan yang sangat memainkan peranan penting dalam mengetengahkan dan mendedahkan sektor warisan ketara dan tidak ketara. Tidak dinafikan pendidikan dalam reka bentuk teknologi mempengaruhi semua bidang, namun ianya perlulah selari agar tiada bidang pendidikan yang kurang. Di dalam kajian ini, pengkaji berharap dapat memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan rumah tradisional Melayu Johor. Pelajar merupakan generasi baru yang perlu mengambil tahu tentang keistimewaan reka bentuk rumah tradisional Melayu Johor. Di samping itu, kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada warga institusi pendidikan yang ingin mendalami mengenai jumlah bilangan rumah tradisional Melayu Johor, kesan pemuliharaan dan keistimewaan reka bentuk rumah tradisional Melayu Johor terutamanya di daerah Muar.

Dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji diharap dapat membantu pelajar pada peringkat awal hingga akhir. Pelajar yang menghargai warisan adalah pelajar yang akan memartabatkan warisan nenek moyang kita. Kajian terhadap pemetaan rumah tradisional Melayu Johor dapat menyumbang data kepada institusi pendidikan terutama pendidikan di negari Johor. Dengan cara ini para pendidik dapat menggunakan data kajian untuk pelajaran dan pembelajaran (P&P) di peringkat sekolah. Perolehan data daripada kajian ini juga akan menyumbang dalam penambahan kajian-kajian lepas yang berkaitan rumah tradisional Melayu Johor.



## V. Sektor Pelancongan

Secara umumnya, rumah tradisional Melayu Johor merupakan salah satu warisan yang dikategorikan sebagai warisan ketara manakala budaya yang dibawa masuk oleh sesuatu kaum dan ianya diamalkan di kategorikan sebagai warisan tidak ketara seperti adat, cara pemakaian, dan tarian. Oleh itu, sesuatu warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita saling melengkapi diantara satu sama lain. Dengan adanya kajian ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya boleh bekerjasama dengan masyarakat terutama tuan rumah tradisional Melayu Johor bagi mempromosikan rumah tersebut untuk para pengunjung. Dengan cara ini dapat mengetengahkan keistimewaan rumah tradisional Melayu Johor dan dapat di dedahkan kepada pengunjung. Di samping itu, dapat meningkatkan aliran masuk ekonomi dalam sektor pelancongan dan membantu juga meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Penyelidik berharap dengan kajian yang dijalankan ini dapat menjadikan rumah tradisional Melayu Johor yang terdapat di daerah Muar menjadi salah satu destinasi yang wajib dikunjungi oleh rakyat tempatan dan pelancong luar. Pengaruh dan gerak kerja daripada sektor pelancongan juga dapat melibatkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti penjualan kraftangan, ukiran kayu, makanan tradisional dan sebagainya yang melambangkan warisan daripada negeri Johor itu sendiri

## **1.9 Definisi Termonologi**

### **I. Warisan**

Terdapat beberapa definisi warisan yang boleh kita rujuk antaranya Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007), telah menerangkan definisi warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Manakala berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005, dimana apa jua hasil perbuatan terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alat kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan dikira sebagai warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan.

### **II. Warisan ketara**

Menurut Jabatan Warisan Negara (JWN), warisan ketara adalah sesuatu yang kekal dilihat dan boleh dipegang sama ada statik atau mudah alih. Warisan ketara juga merujuk kepada tapak, tanah bersejarah, monumen, bangunan atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan. Rumah tradisional Melayu merupakan satu warisan ketara yang perlu dipulihara dan di jaga dengan baik agar tidak rosak atau pupus disebabkan faktor-faktor tertentu.

### **III. Pemuliharaan**

Pemuliharaan bermaksud proses atau usaha melindungi, memelihara serta memulihkan agar dapat digunakan selama-lamanya supaya kepentingan budayanya dapat dikekalkan untuk menjadi tatapan generasi akan datang. Pemuliharaan bersifat kompleks dan menuntut kerjasama professional yang berkelayakan seperti konservator untuk membari cadangan cara pemuliharaan yang paling sesuai untuk jangka masa panjang. (Jabatan Warisan Negara, 2012).

### **IV. Rumah tradisional Melayu**

Berdasarkan sumber buku rujukan berjudul Rumah Limas Johor Seni Bina dan Pensejarahan (2010), menyatakan rumah Melayu Tradisional adalah warisan orang Melayu dan merupakan salah satu keperluan asas dalam kehidupan orang Melayu. Rumah tradisional Melayu adalah suatu bangunan yang utuh, yang dapat dijadikan tempat kediaman keluarga, tempat bermusyawarah, tempat beradat berketurunan, tempat berlindung bagi siapa sahaja yang memerlukannya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.10 Penutup

Rumah tradisional Melayu Johor perlu didokumentasikan dan membuat pemetaan bagi mengetahui bilangan rumah yang masih wujud di daerah Muar. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan dorongan kepada yang membacanya agar memandang serius tentang pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Johor. Seni bina rumah tradisional Melayu Johor mempunyai sejarah, keunikan dan nilai tersendiri untuk dipertontonkan oleh generasi akan datang. Pemetaan yang dilakukan adalah untuk menganalisis rumah tradisional Melayu Johor dengan lebih terperinci. Walaupun seni bina rumah tradisional Melayu Johor mengalami kekeliruan di antara rumah tradisional yang lain, namun kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengetengahkan ciri-ciri sebenar rumah tradisional Melayu Johor dengan menggunakan kaedah pemerhatian serta kaedah-kaedah yang boleh diterima datanya. Memartabatkan warisan seni bina Melayu amatlah penting agar identitinya tidak ditelan dek arus permodenan zaman.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Membuat penyelidikan berkaitan tajuk dan objektif yang baru memerlukan pembacaan, bahan ilmiah, jurnal dan keratan akhbar yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan. Menurut *Fink* (1998), sorotan kajian lepas adalah suatu penelitian yang sistematik dan jelas untuk membantu penyelidik baru mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik lepas, para sarjana dan pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang hendak dikaji. Sorotan kajian dibuat bagi membantu penyelidik akan datang lebih mudah untuk menyatakan objektif dan permasalahan kajian berkaitan kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas. Menurut *Blanche* dan *Durheim* (1999), mengatakan bahawa tujuan utama sorotan kajian adalah bagi memahami masalah yang akan dikaji dengan mengenalpasti kelemahan yang ada dalam kefahaman terhadap masalah itu. Oleh itu, penyelidik baharu perlu mengenalpasti dan mendalami kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. *Fink* (2019), di dalam kertas penyelidikan seperti artikel dan disertasi, ulasan literatur diklasifikasikan sebagai cadangan pembiayaan untuk

ilmiah akademik yang memenuhi rasa ingin tahu mengikut pribadi sendiri. Penyelidikan berkaitan rumah tradisional Melayu sangat luas untuk dikaji, dianalisis dan disimpulkan. Hal ini kerana di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak mempunyai identiti rumah tradisional tersendiri.


*Tight* (2002), mengatakan bahawa sorotan kajian lepas ialah suatu ringkasan dan penilaian yang kritis terhadap bahan-bahan dalam suatu bidang atau masalah berkenaan. Selain itu, menurut *Marshall* dan *Rossmann* (1999), telah menyatakan bahawa kajian lepas mempunyai empat fungsi yang utama. Pertama, kajian literatur akan menjelaskan andaian-andaian asas di sebalik soalan kajian umum. Kedua, kajian literatur menunjukkan kepada penyelidik bahawa berpengetahuan atau tidak tentang kajian yang dilakukan yang boleh dikaitkan dengan tradisi intelektual. Ketiga, menunjukkan para penyelidik yang ingin mengkaji telah mengetahui atau telah mengenalpasti jurang-jurang dalam kajian-kajian lepas yang dicadangkan oleh pengkaji sebelumnya. Keempat, sorotan kajian akan memperhalusi dan mendefinisi semula soalan kajian dengan meletakkan soalan-soalan khusus ke dalam tradisi *empirical* yang lebih mempunyai hala tuju. Jurang perbezaan penyelidik diantara pengkaji yang lepas adalah berdasarkan dari segi ukiran kayu, pengaruh reka bentuk rumah tradisional Johor, cara pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor dan seni bina rumah tradisional Johor. Pengkaji telah memilih objektif seperti mengenalpasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor, menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor dan keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor. Ketiga-tiga objektif ini dipilih berdasarkan pembacaan, menganalisis, pengetahuan dan kesimpulan yang telah dilakukan di sorotan kajian lepas.

## 2.2 Rumah Tradisional Di Malaysia

Rumah merupakan tempat perlindungan setiap manusia dari panas, hujan dan serangan haiwan berbahaya. Pembinaan rumah tradisional Melayu merupakan seni bina terawal yang wujud di Gugusan Kepulauan Nusantara. Seni bina Melayu merupakan cabang daripada bidang seni yang memerlukan kemahiran tinggi, daya kreativiti dan kerajinan luar biasa di samping daya pengamatan yang tajam dan terperinci, menurut Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiulfuad Yahya (2005). Oleh kerana itu, seni bina pada zaman dahulu dipandang tinggi kerana hanya bebekalkan kemahiran dan sumber alam semula jadi mereka dapat mendirikan sebuah rumah tradisional yang kukuh dan unik. Kajian yang bertajuk Cabaran Kesenambungan Warisan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia: Solusi Ke Arah Memartabatkan Seni Budaya Warisan Ketamadunan Melayu, (2021) telah menyatakan bahawa warisan seni bina rumah tradisional Melayu kian dipinggirkan oleh kerana arus kemodenan dan kepesantan pembangunan. Anantara rumah tradisional yang tertua menurut Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah Rumah Datuk Baginda Tan Mas Moharyang yang terletak di Negeri Sembilan yang di bina sekitar tahun 1850.

Rumah tradisional Melayu mempunyai identiti sendiri mengikut acuan budaya, adat dan kepercayaan sesebuah kawasan. Menurut Raja Nafida (2007), seni bina dan ciri-ciri reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan berkait rapat dengan adat Perpatih. Hal ini yang menjadikan sesebuah rumah tradisional itu mempunyai identiti sendiri. Bagi rumah tradisional Bugis mempunyai adat dan pegangannya sendiri oleh kerana kepercayaan yang diamalkan. Menurut Ahmad Misman b. Angsar (1989), menerusi kajian kes beliau yang bertajuk “Falsafah Seni bina Tradisional Melayu Bugis, Kes Kajian

di Parit Pecoh, Muar Johor” berpendapat bahawa masyarakat Bugis sangat berpegang kepada adat dan pegangan terhadap falsafah yang juga diamalkan sehingga ke hari ini. Menurut kajian beliau lagi, falsafah yang dipegang bagi seni bina sangat mempengaruhi dari segi sistem perancangan sesebuah bangunan agar tidak melanggar patang larang adat yang di bawa ke tanah Melayu. Kebiasaannya pembangunan seni bina warisan telah diilhamkan berdasarkan kepada empat perkara iaitu iklim kedaerahan, persekitaran setempat, budaya masyarakat setempat dan kearifan watan, Mastor (2018).




**Rajah 2.1:** Rumah Tradisional Hajah Zunah  
(Sumber: *Houses of Malay Personalities Book*)


MALAYSIA

KELANTAN






**Rajah 2.2:** Rumah Tradisional Penghulu Haji Abbas  
(Sumber: *Houses of Malay Personalities Book*)



**Rajah 2.3:** Rumah Tradisional Tok Wan Jamaliah  
(Sumber: *Houses of Malay Personalities Book*)

### 2.3 Ciri-Ciri Rumah Tradisional Melayu Johor.

Seni bina rumah tradisional Melayu pada asalnya mempunyai bentuk yang sederhana kerana tidak mendapat pengaruh luar secara hubungan dagangan, politik atau kekuasaan. Berdasarkan kajian oleh Norazila binti Kamarulzaman yang bertajuk Pengaruh Suku Kaum Jawa dan Bugis Dalam Membentuk Kepelbagaian Seni Bina Johor (2019), berdasarakan pemerhatian beliau reka bentuk bumbung adalah menyerupai bentuk “A” disudahi dengan tebar layar pada kedua-dua bahagian hujung bumbung dan mempunyai sebatang tulang perabung pada bahagian puncak bumbung pada rumah tradisional Melayu.



**Rajah 2.4:** Lakaran Bumbung Panjang Johor

(Sumber: Imej Google <http://lakaran-pelan-rumah-tradisional.html>)

Ciri-ciri yang ada pada rumah tradisional Melayu Johor tidak mempunyai perbezaan yang banyak diantara rumah tradisional yang lain. Sementara itu, dengan kajian yang dilakukan oleh Mashitah Sulaiman dan Mohd Nazir Ahmad (2021), bahawa setiap rumah tradisional mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri contoh rumah Melaka tak sama dengan rumah Negeri Sembilan walaupun kedua-dua negeri bersebelahan. Menurut kajian beliau juga rumah tradisional Melayu kian pupus oleh kerana pemodenan zaman dan tingkat teknologi yang ada pada masa kini. Menurut Sabihah (25 Mar 2021), ciri bumbung pada rumah tradisional Melayu terdiri daripada bumbung tetap dan kemudiannya berubah kepada bentuk limas (bumbung limas) atau dikenali juga sebagai Bumbung Belanda selepas kedatangan penjajah serta bentuk bumbung yang condong sesuai dengan iklim tropika hujan, panas dan lembab.


#### **2.4 Identiti Ukiran Kayu Rumah Tradisional Limas**

Sumber utama pada zaman dahulu banyak menggunakan sumber organik seperti kayu, rotan dan buloh. Berdasarkan pencarian pengkaji terdapat 3 kajian lepas yang berkaitan ukiran kayu bagi rumah Limas Johor. Ukiran kayu tradisional adalah merupakan warisan Melayu yang sangat unik kerana motif dan kemahiran yang dimiliki oleh nenek moyang kita pada zaman dahulu. Menurut Sumardiashah Sila et al., (2013), warisan ukiran kayu dialirkan melalui generasi ke generasi dan seharusnya tradisi tersebut dipelihara dan dipertahankan sehingga kini. Oleh kerana kemodenan pada masa kini telah mendorong masyarakat membina rumah idama berteraskan seni bina barat.

Menurut Mohamad Tajuddin, Zumahiran dan Ismail (2006) (2008), oleh kerana mengejar arus kemodenan inilah antara penyebab banyaknya rumah-rumah tradisional diruntuhkan satu demi satu. Kenyataan ini disokong oleh keratan akhbar Utusan Melayu bertajuk Luntur budaya hilanglah identiti, (19 April 2017). Berdasarkan keratan akhbar berikut iainya menjawab kajian yang dilakukan oleh Hanita binti Yusof bertajuk identiti ukiran kayu bagi rumah limas Johor (2018), dan M.F.I Mohd-Nor telah menjalankan lagi kajian yang berkaitan tajuk identiti tipologi motif ukiran kayu bagi rumah limas Johor, (2021). Berdasarkan kedua kajian tersebut didapati mempunyai persamaan dari segi mengenalpasti motif ukiran kayu pada rumah tradisional Johor atau di panggil rumah limas. Oleh kerana kebimbangan pecampuran dan kekeliruan motif ukiran kayu pada rumah tradisional Johor kajian-kajian berikut telah dijalankan.


Di samping itu kajian bertajuk Motif-Motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu oleh penyelidik Azreena binti Abu Bakar dan Nangkula Utaberta (2013), dijalankan bagi mengenalpasti asal usul motif pada tiang dua belas samada mempunyai pengaruh luar ataupun motif setempat. Seterusnya, berdasarkan hasil kajian Hanita binti Yusof telah berlakunya kekeliruan motif ukiran kayu di Johor yang mempunyai ukiran motif di Kelantan dan Terengganu. Menurut Norhaiza Noordin (2015), menulis bahawa Nik Rashiddin Nik Hussein, Pengukir Tersohor, Peraih Ukiran Kayu dan Ahli Falsafah (1955-2002) pernah bersuara pendapat bahawa sesiapa yang tidak mengenali sejarah adalah mereka yang tidak mempunyai masa hadapan. Menurut Norhaiza lagi (2015), seseorang menjalani kehidupan tanpa kesedaran tentang sejarah maka kesannya mereka kehilangan hala tujuan hidup.

Diteruskan lagi sorotan kajian berkaitan motif pada ukiran kayu di rumah tradisional Limas, Johor. Menurut hasil dapatan kajian Hanita Yusof dan M.F. I Mohd-Nor terdapat lima kategori motif dalam seni ukir diantaranya adalah motif flora, fauna, kaligrafi, geometri dan kosmos. Ukiran motif ini terdapat di 50 buah rumah Limas yang dipilih secara rawak.



**Rajah 2.5:** Carta hasil dapatan kajian peratusan bagi motif flora, fauna, geometri, kaligrafi dan kosmos.

(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.6:** Hasil Kajian Gabungan Motif Flora Dan Motif Geometri  
(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.7:** Hasil Kajian Gabungan Motif Kaligrafi Dan Motif Fauna  
(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu bagi Rumah  
Limas Johor)

Tukang ukir pada masa kini bukan sekadar perlu mempunyai kemahiran tukang dan ukir malah memerlukan pengetahuan sejarah untuk mengenalpasti ukiran kayu johor yang sebenar. Ukiran kayu ini adalah antara elemen seni bina yang indah dalam seni bina tradisional warisan kita yang juga penting dalam pembentukan identiti kerana ia adalah produk kebudayaan yang juga boleh dianggap sebagai refleksi sesuatu bangsa dan tempat (Zulkifli Hanafi, 2007). Di daerah Muar terdapat seorang tukang ukir bernama Encik Elias Robani yang berusia 47 tahun. Encik Elias Robani tukang ukir di Muar yang mewarisi seni bina dan ukir daripada bapanya dan beliau berkata setiap rumah Melayu tradisional mempunyai identitinya yang tersendiri, Najjua Zulkefli, *The Malaysia Insight* (6 Mar 2022). Jurang kajian terhadap pemetaan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar, Johor adalah bagi mengenalpasti bilangan rumah tradisional Johor yang terdapat di daerah Muar.



**Rajah 2.8:** Rumah Limas di Batu Pahat yang Dimiliki oleh Halimah  
(Rujukan: Elektronik Harian Metro

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/11/95290/tak-dimakan-zaman>)



**Rajah 2.9:** Ukiran Bermotif Fauna Pada Rumah Limas yang Di miliki oleh Halimah  
(Rujukan: Elektronik Harian Metro

[https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/11/95290/tak-dimakan-zaman\)](https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/11/95290/tak-dimakan-zaman)

Motif pada ukiran kayu sememangnya mempunyai pengaruh luar terutama dari kaum Jawa, Bugis dan Aceh. Setiap ukiran mempunyai motif tersendiri di samping mengikut kehendak tuan rumah. Berdasarkan kajian identiti topologi ukiran kayu bagi rumah Limas Johor, motif seperti buah labu merupakan motif ukiran utama yang digunakan pada rumah-rumah kajian yang dijalankan. Berdasarkan analisis peratusan yang dibuat, sebanyak 41% motif labu yang diukir pada rumah Limas Johor, motif ati-ati sebanyak 23%, kacang buncis dan melur 9% dan motif bunga lawang, rebung buluh, semanggi putih, tanjung, nenas dan kunyit masing-masing hanya 3%. Boleh disimpulkan bahawa pengaruh alam fauna pada ukiran kayu memainkan peranan yang sangat penting dan mempunyai fungsinya yang tersendiri





**Rajah 2.10:** Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Labu

(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.11:** Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Kancang Buncis

(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.12:** Motif Ukiran Kayu Bematifkan Ati-Ati  
(Sumber: Journal Design+Built Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.13:** Motif Ukiran Kayu Bematifkan Bunga Kunyit  
(Sumber: Journal Design+Built Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.14:** Motif Ukiran Kayu Bematikkan Nenas  
(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.15:** Motif Ukiran Kayu Bematikkan Bunga Melor  
(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.16:** Motif Ukiran Kayu Bematikkan Bunga Tanjung  
(Sumber: Journal Design+Built Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)



**Rajah 2.17:** Motif Ukiran Kayu Bematikkan Rebung Buluh  
(Sumber: Journal Design+Built Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu  
bagi Rumah Limas Johor)




**Rajah 2.18:** Motif Ukiran Kayu Bemotifkan Ulam Raja  
(Sumber: *Journal Design+Built* Identiti dan Tipologi Motif Ukiran Kayu bagi Rumah Limas Johor)

## 2.5 Pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu Johor.

Setiap negara mempunyai warisan yang perlu dipulihara dan di jaga untuk dipaparkan kepada generasi akan datang. Menurut *Howe, B.J et al (1997)*, pemuliharaan adalah proses mengembalikan bentuk dan perincian asal sebenar bagi sesebuah bangunan atau harta dan kedudukannya seperti rupa bentuk yang asal dengan cara menanggalkan apa-apa penambahan dan pengubahsuaian yang telah dibuat kepada rupa bentuk asal atau dengan cara mengantikan bahagian yang hilang dengan yang hampir sama. Manakala memelihara adalah perbuatan atau proses melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integriti dan bahan sesebuah bangunan dan bentuk sedia ada serta tumbuhan pelindung sesuatu tapak.

Proses pemeliharaan termasuklah kerja-kerja awal penstabilan apa bila perlu dan penyelenggaraan berterusan melibatkan bahan-bahan bersejarah. Bidang pemuliharaan adalah meluas ianya bergantung kepada spesifik sesuatu bidang kerja seperti pemuliharaan bangunan warisan, alam sekitar, hidupan laut dan sebagainya. Pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor sering mengfokuskan struktur ketahanan rumah berbanding motif ukiran, fungsi reka bentuk dan kepentingan rumah tradisional Melayu Johor pada masa kini. Oleh kerana menjadi negara moden dengan kemajuan pembangunan terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi dalam usaha mengekalkan warisan seni bina rumah tradisional melayu yang mula terhakis atas faktor arus pemodenan, urbanisasi dan pemikiran moden dalam masyarakat Melayu kontemporari, Mohamad Sihaimi Man, (2017).



**Rajah 2.19:** Rumah tradisional Melayu Johor Tuan Zaaba  
(Sumber: Berita Harian, 3 Jun 2008)



**Rajah 2.20:** Tuan Zaaba dan Rumah Limas Miliknya

(Sumber: Berita Harian, 3 Jun 2008)

Kajian tentang pemuliharaan bangunan telah dijalankan oleh Daeng Haliza Daeng Jamal dan Zuliskandr Ramli (2021), dan didapati daripada hasil kajian tersebut pemuliharaan bangunan di sekitar Kelantan terutamanya Masjid Lama Kedai Mulong telah membuktikan bahawa dengan kerjasama komuniti setempat sesebuah bangunan warisan yang mempunyai nilai sejarah dapat dipulihara dan dijaga untuk mengekalkan seni bina asalnya. Walaupun ada berlaku perbuahan daripada fungsi seperti balairung di jadikan sebagai masjid, namun bergitu proses pendokumentasian dapat menjelaskan fungsi sebenar balairung tersebut. Dengan kerjasama pihak berwajib, masyarakat dan tuan rumah seni bina rumah tradisional dapat dipulihara dan megah berdiri dalam jangka masa yang lama.

Pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Johor perlu dipergiatkan oleh para pengkaji untuk lebih mendekati kepada pemilik rumah tradisional Melayu Johor bagi mendokumentasi, menganalisis dan menyimpan data yang ada pada seni bina rumah tradisional Melayu Johor. Menurut Noor Faizah et al., (2014), telah menjelaskan bahawa rumah-rumah yang bercirikan tradisional semakin berkurangan ciri-ciri yang terkandung pada rupa bentuk asal tidak lagi dikenali oleh masyarakat Melayu sendiri. Hal ini kerana berlakunya percampuran bahan pembinaan rumah yang dibina separa batu dan separa kayu dan juga dipanggil rumah tradisional Moden.



**Rajah 2.21:** Rumah Tradisional Melayu Moden (Pandangan Hadapan)

(Sumber: *Facebook* Warisan Hartanah)

MALAYSIA  
KELANTAN





**Rajah 2.22:** Rumah Tradisional Melayu Moden (Pandangan Tepi)  
(Sumber: *Facebook* Warisan Hartanah)

Berdasarkan rajah 2.21 dan 2.22, reka bentuk rumah tradisional Melayu telah menjadi pilihan masyarakat zaman kini oleh kerana kos pembinaan dan faktor ruang kawasan pembinaan yang terhad. Walaubagaimanapun, pembinaan rupa bentuk rumah separa tradisional dan separa moden ianya bergantung kepada kehendak individu itu sendiri kerana faktor pengaruh pelan rupa bentuk yang semakin luas di zaman teknologi ini dengan hanyar dihujung jari masyarakat boleh memilih reka bentuk rumah idaman yang diingini dengan memikirkan keperluan mengekalkan reka bentuk rumah tradisional Melayu atau tidak.

Seni bina rumah tradisional Melayu Johor bukan sahaja berada di sekitar kerajaan negeri Johor, malah rumah tradisional Melayu Johor ada berada di sekitar Kuala Selangor. Tidak kira di mana jua berdirinya rumah tradisional Melayu Johor ianya wajar dipulihara dan dijaga dengan sebaik-baiknya untuk menjadi aset kepada negara dalam bidang warisan dunia. Pada 1 August 2016,

Berita Harian Online yang ditulis oleh Hafizah Iskandar tentang Rumah Limas 100 Tahun dipulihara Pemuliharaan. Menurut penulisnya, rumah Limas yang asalnya di Kuala Selangor telah dipuliharakan oleh Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT) dan membeli rumah tersebut dengan nilai RM 498,000 pada 2011. Dalam pemuliharaan rumah tersebut ianya diselia oleh pensyarah dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Abdul Ghafar Ahmad. Mengapa rumah Bugis tersebut dipulihara bagi mengekalkan keharmonian landskap sejarah dan budaya.



**Rajah 2.23:** Rumah Bugis

(Sumber: Berita Harian Dalam Talian, 2016. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/08/178829/rumah-bugis-100-tahun-dipulihara>)

## 2.6 Penutup

Rumah tradisional Melayu Johor atau di panggil rumah Limas sudah pasti banyak dilihat di setiap daerah di Negeri Johor. Namun begitu, rupa bentuk atau ciri-ciri rumah Limas juga boleh terlihat di negeri Terengganu dan Pahang. Pengkaji ingin mengfokuskukan kajian rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar bagi mengetahui berapa bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor yang masih teguh berdiri di Daerah Muar dan di manakah nilai keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor. Seni bina rumah tradisional Melayu Johor perlu dikekalkan bagi menjaga nilai sejarah, fungsi dan menjadi bukti kepada penyelidik akan datang.

Kecelaruhan pentakrifan identiti seni bina tempatan, khususnya seni bina rumah tradisional Melayu perlu dijelaskan melalui pengiktirafan kearifan tempatan dalam pembinaan seni bina tradisional yang mempunyai pelbagai ciri keunikannya, Ar. Mastor Surat, (2012). Pembinaan rumah tradisional Melayu boleh giat dibangunkan di era kemajuan teknologi ini dengan mengutamakan nilai-nilai kehidupan sepanjang hayat. Rumah sebagai seni bina Melayu yang amat diutamakan dalam kehidupan masyarakat Melayu, (Noor Faizah et al., 2014:105). Hal ini kerana pembinaan rumah bukan sahaja sebagai tempat tinggal malah banyak aktiviti kehidupan dilakukan di dalamnya serta menjadi satu lambang kesempurnaan hidup bagi orang Melayu. Memulihara dan memertabatkanlah warisan seni bina rumah tradisional Melayu Johor ini agar tidak terus menerus ditalan zaman oleh kerana kelalaian masyarakat dalam era perkembangan teknologi.

## METODOLOGI KAJIAN

### BAB 3

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Bab ini juga meliputi reka bentuk kajian iaitu kajian berbentuk kualitatif. Selain itu, kaedah kajian akan diperincikan di dalam bab ini untuk mendapatkan hasil dapatan yang jelas. Di samping itu, terdapat penerangan berkaitan instrumen kajian, prosuder pungutan data dan kaedah analisis kajian. Tujuan metodologi penyelidikan adalah kajian mengenai kaedah, terutama sekali dalam bidang ilmiah. Terdapat takrifan bahawa metodologi kajian adalah sebagai sesuatu ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang, menurut A.S Hornby (1980). Metodologi yang digunakan perlulah mengikut kesesuaian kajian masing-masing agar mendapatkan hasil dapatan yang tulus dan membantu penyelidik akan datang dalam kajian yang sama.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Oleh itu, terdapat dua jenis reka bentuk kajian yang sering digunakan oleh penyelidik lepas iaitu rekabentuk kuantitatif dan reka bentuk kualitatif. Kedua-dua reka bentuk ini mempunyai perbezaan oleh kerana proses yang dijalankan juga berbeza. Selain itu, rekabentuk kajian merujuk kepada cara penyelidik mengendalikan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi menyelesaikan persoalan dan objektif kajian.

#### **3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif**

Reka bentuk kualitatif boleh menggunakan pendekatan seperti kaedah naratif, fenomenologi, etnografi dan kaedah kes. Keempat-empat kaedah ini perlu diberikan pemerhatian yang utama namun kaedah yang paling sesuai sahaja perlu digunakan. Menurut Hamzah (2010), kajian kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperoleh maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sample yang kecil dalam satu kumpulan.

### 3.2.2 Kajian Kes

Menggunakan kaedah kajian kes memerlukan fokus dalam pengenalan dan analisis lengkap bagi satu kes atau beberapa kes. Menurut Yin (2003), suatu bentuk kajian kes diperlukan untuk mendapatkan keterangan dan kefahaman secara holistik terhadap kesan serta pengaruh setiap unit yang terlibat. Dengan menggunakan kajian kes ianya akan cuba memberi gambaran secara terperinci bagaimana responden berinteraksi dengan kehidupan mereka, Patton (1990).

### 3.3 Lokasi Kajian


Pemilihan lokasi kajian dibuat berdasarkan keperluan dalam menjalankan kajian berkaitan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar Johor. Menurut Othman (2013), di dalam persoalan kajian telah dinyatakan secara spesifik tempat kajian yang akan dijalankan. Daerah Muar berkeluasan 2346.12 km persegi dengan penduduk seramai 328,695 orang (bancian 2000). Perkataan ‘Muar’ dipercayai berasal daripada Muara. Kemungkinan lain ialah ia berasal daripada perkataan hindu iaitu “Muna” dan ‘Ar” yang masing-masing bermaksud Tiga dan Sungai, menggambarkan kewujudan Sungai Muar yang mengalir melalui bandar ini dan juga merupakan sungai terpanjang di Johor.



**Rajah 3.1:** Peta Daerah Muar. Koordinat: 2.0509025789603927

(Rujukan: Goolge Maps

<https://www.google.com.my/maps/place/Muar,+Johor/@2.1035821,102.7000291,10.75z>)



**Rajah 3.2:** Kerangka Kajian

### **3.4 Instrumen Kajian**

Kajian yang dijalankan di kawasan lapangan memerlukan instrumen-instrumen yang bernas untuk memperoleh data yang diperoleh mempunyai kebolehpercayaan dan kesahhian. Menurut Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999), instrumen kajian merupakan alat ukur menarik dan mendorong untuk menjawab soalan kajian dikemukakan dengan tepat. Instrumen kajian menjadi bukti bahawa kajian yang dijalankan mengikut prosuder-prosuder yang betul.

#### **3.4.1 Rakaman Audio**

Penggunaan rakaman audio membantu penyelidik untuk mengulangi perkara yang telah di temu bual oleh tuan rumah, tukang kayu dan penghulu mukin di daerah Muar. Oleh kerana memori seseorang manusia itu terhad untuk mengingati sesuatu perkara oleh itu rakaman audio perlu digunapakai selari dengan kemajuan teknologi pada masa kini dan ianya merupakan satu elemen multimedia yang perlu diterabkan dan boleh dipersembahkan secara serentak, menurut Faizah (2005).

#### **3.4.2 Borang soal selidik**

Menurut Sekaran (2003), menggunakan borang soal selidik adalah cara yang sesuai untuk mengumpul data kerana ianya mudah untuk diuruskan, menjimatkan masa dan memudahkan langkah pemprosesan maklumat. Pengkaji menggunakan borang soal selidik bagi mencapai objektif kedua iaitu menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor. Borang Soal selidik adalah alat pengukur yang popular dalam kajian tinjauan. Borang soal selidik di



bina mengikut prinsip *Keep It Short and Simple* (KISS) dengan mengemukakan soalan yang mudah difahami dan ringkas, menurut R.Kuberan et al, (2013). Borong soal selidik akan mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A demografi responden, bahagian B berkaitan tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu di Daerah Muar, Johor.

### **3.4.3 Kamera**

Penggunaan kamera dalam kajian ini adalah untuk mengambil foto dan video semasa di kajian lapangan. Tujuan penggunaan kamera dapat membantu penyelidik dalam mengumpul maklumat dengan lebih terperinci dan dapat menyimpan data dengan mudah serta di simpan dalam jangka yang lama.

### **3.5 Populasi dan Sampel Kajian**

Menurut Mohd Yusof (2005), populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Di dalam kajian ini penyelidik akan mengfokuskan populasi penduduk di enam buah mukim dalam daerah Muar iaitu mukim Bandar, Bakri, Parit Bakar, Parit Jawa, Sungai Balang, Sri Menanti bagi mengenalpasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu yang terdapat di daerah Muar. Manakala menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003), menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil, penyelidik boleh menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel dan peyelidikan tersebut adalah sebuah kajian.

Menurut Aziz (2007), sampel merupakan sebahagian daripada populasi tanpa mengira sama ada sampel tersebut dapat mewakili populasi atau sebaliknya. Sampel yang diambil adalah daripada populasi yang dijalankan di enam buah Mukim dalam daerah Muar. Menurut Sekaran (2000), persempelan adalah proses memilih jumlah elemen yang mencukupi daripada populasi supaya pemahaman terhadap sifat-sifat sampel dapat memungkinkan penyelidik membuat generalisasi terhadap sifat-sifat populasi sampel berkenaan.

### **3.6 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data sepanjang menjalankan kajian berdasarkan data primer dan data sekunder. Kedua-dua kaedah ini sering digunakan dalam penyelidikan bagi melancarkan proses pencarian dan perekodan data yang diperolehi. Menurut *Creswell* (2018), empat kaedah yang biasa digunakan dalam pengumpulan data iaitu, temu bual, pemerhatian, pendokumentasian dan audio visual.

#### **3.6.1 Data Primer**

Data primer menjadi sumber utama dalam kajian untuk mendapatkan data daripada sumber utama itu sendiri. Penggunaan data primer sebagai sumber yang sah untuk mendapatkan maklumat data yang asli. Menurut Yusof (2005), data primer adalah sebuah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data primer juga terdiri daripada pemerhatian, kerja lapangan, temu bual dan borang soal selidik.

### 3.6.2 Data Sekunder

Perolehan data sekunder membantu penyelidik dalam pembacaan teori, konsep dan kajian-kajian lepas. Menurut *Marican* (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengakji lain. Menurut *Naoum* (2003), data sekunder yang disebut sebagai data yang diperoleh dari meja kaedah kajian. Data sekunder sebenarnya bermakna data yang tidak dikumpul oleh pengkaji itu sendiri, tetapi dikumpulkan daripada sumber yang lain yang berbeza. Data sekunder terdiri dari jurnal, buku, tesis, tayangan video, laporan dan video dokumentari.

### 3.6.3 Internet

Pencarian maklumat seperti jurnal, laporan dan dokumen mudah diakses dengan menggunakan laman sesawang yang telah disediakan oleh insituti-insituti pendidikan. Penggunaan internet sangat meluas dan paling cepat mendapatkan bahan ilmiah yang diiktirafkan. Menurut Lani Sidharta (1996), internet sebagai ruang sejarah dan perlu dipandang sebagai sumber daya informasi untuk mendapatkan database atau perpustakaan multimedia yang sangat besar dan lengkap.

#### **3.6.4 Jurnal**

Jurnal menjadi sebagai data sekunder yang digunakan untuk membaca sorotan kajian dan hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik lepas. Jurnal yang dirujuk adalah berkaitan atau hampir sama dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Jurnal secara tidak langsung membantu pengkaji mendapatkan maklumat awal sebelum menjalankan kerja di kajian lapangan.

#### **3.6.5 Kajian perpustakaan**

Pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan untuk mendapatkan data seperti reka bentuk rumah Melayu, fungsi struktur rumah Melayu, dan kriteria rumah Tradisional Melayu. Bagi memperoleh data-data tersebut penyelidik mencari bahan daripada perpustakaan Kampus Bachok, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Penyelidik juga mendapatkan tesis-tesis terdahulu yang tidak boleh diakses melalui internet di perpustakaan tersebut.

**Jadual 3.1:** Jadual Kaedah Kajian Yang Telah Dilaksanakan

Bil	Objektif Kajian	Metodologi
1	Mengenal pasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor di Daeah Muar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah pemerhatian di 6 mukim (Sungai Balang, Sri Menanti, Parit Jawa, Parit Bakar, Jalan Bakri dan Bandar)</li> <li>• Kaedah temu bual               <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Temu bual tuan empunya rumah.</li> <li>➢ Encik Elias Robani, 47, tukang ukir kayu di Muar.</li> <li>➢ Penghulu setiap 6 mukim.</li> </ul> </li> </ul>
2	Menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik melalui <i>google form</i>.</li> <li>• Menggunakan Jadual Populasi Krejcie 8 Morgan (1970)</li> <li>• 375 set borang soal selidik diedarkan di enam buah mukim dalam daerah Muar.</li> <li>• BHG A: Maklumat responden</li> <li>• BHG B: Tahap pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Johor.</li> </ul>
3	Menilai keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah pemerhatian</li> <li>• Kaedah temu bual (14 buah rumah berlainan mukim)</li> <li>• Borang inventori reka bentuk Fasad rumah Tradisional Melayu Johor.</li> </ul>

### **3.7 Jangkaan Dapatan Kajian**

#### **3.7.1 Peyumbang kepada Sektor Pelancongan**

Bangunan warisan yang ada di Malaysia perlu dipulihara dan di jaga dengan pemantaun yang berskala untuk mengekalkan ke aslian bangunan warisan tersebut. Rumah tradisional Melayu Johor merupakan salah satu bangunan warisan yang perlu dipulihara dan mendapatkan pendokumentasian daripada Jabatan Warisan Negara (JWN). Hal ini kerana mengikut senarai bangunan warisan mengikut Negeri di bawah JWN, hanya terdapat 15 buah bangunan yang telah konservasi dan dua di antaranya di daerah Muar iaitu Bangunan Pejabat Kerajaan Muar (2012) dan Sekolah Tinggi Muar (2012). Namun tidak tersenarai nama bangunan warisan seperti rumah tradisional Melayu Johor yang tersenarai. Oleh kerana itu kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti rumah tradisional Melayu Johor yang perlu dipulihara untuk tujuan pelancongan.

#### **Bahan Bukti Sejarah Peristiwa Lepas**

Peredaran zaman yang semakin pantas ini sekali gus melibatkan perubahan kepada seni bina rumah tradisional Melayu. Bangunan warisan yang telah dibuat oleh nenek moyang kita pada zaman dahulu lama-kelamaan mendapat pembaharuan dari segi reka bentuk bumbung, bahan yang digunapakai, dan corak pada seni bina rumah dahulu serta sekarang. Pengekalan seni bina rumah tradisional Melayu Johor menjadi satu tanda atau bukti kepada generasi akan datang bahawa terdapat keistimewaan tersendiri rumah tradisional Melayu Johor yang perlu dibanggakan oleh kerana kemahiran dan kretiviti

orang-orang terdahulu. Berita Astro Awani yang bertajuk Rumah tradisional Melayu tarikan terbaharu Terengganu pada 10 Mac 2021, menjadi bukti bahawa rumah tradisional Melayu dapat dikekalkan untuk kepentingan pada masa hadapan seperti sektor pelancongan, perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan mempamerkan sosio-budaya sesebuah negeri.

### **3.8 Penutup**

Secara ringkasnya, di dalam bab 3 ini, pengkaji cuba menyampaikan kepada pembaca tentang reka bentuk kajian yang digunakan untuk mencapai objektif dan menyelesaikan permasalahan yang dikemukakan. Metodologi yang digunakan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang tulus, sahih dan boleh menjadi rujukan bagi masa hadapan. Dengan adanya penyusunan metodologi ini memberikan gambaran kepada pengkaji bagaimana menyelesaikan permasalahan yang timbul. Di samping itu, di dalam bab ini juga penerangan tentang kaedah kajian telah dijelaskan agar tiada pihak yang meragui tentang perolehan data dari kajian ini. Metodologi kajian sangat penting dalam sesebuah kajian kerana menjadi panduan kepada penyelidik agar tidak terkeluar daripada landasan kajian yang ingin dikaji. Hasil kajian yang bagus dan berkualiti datangnya daripada metodologi kajian yang tersusun, beretika dan mempunyai proses-proses kajian yang betul.

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN****4.1 Pengenalan**

Di dalam bab 4 membincangkan hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan berserta metodologi kajian yang digunakan untuk pengumpulan hasil kajian. Pengkaji telah memilih 6 mukim daripada 11 mukim yang ada di daerah Muar untuk mengenal pasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor di Daerah Muar antara mukim tersebut adalah mukim Bandar, Parit Bakar, Bakri, Sungai Balang, Parit Jawa dan Seri Menanti. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan borang soal selidik bagime mendapatkan data yang baru. Kaedah pemerhatian dan temu bual pengkaji menggunakan kepada penghulu mukim, ketua kampung, tuan empunya rumah dan tukang kayu. Bagi objektif kedua dan ketiga iaitu menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor serta menilai keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor telah diedarkan borang soal selidik



menggunakan skala Likert dan borang inventori. Oleh itu, hasil daripada pengumpulan data, pembaca akan mengetahui maklumat berdasarkan susunan objektif dan kaedah yang digunapakai dalam pengkaji.


#### 4.2 Demografi Responden

Pengkaji memperolehi responden melalui edaran borang soal selidik menggunakan *google form*. Terdapat juga responden yang ditemubual bagi objektif ketiga di mana soalan daripada borang soal selidik di tanya kepada tuan empunya rumah. Pengkaji memperoleh data primer dari Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Daerah Muar iaitu bilangan penduduk, tempat kediaman, isi rumah dan purata saiz rumah mengikut mukim/daerah kecil Muar, Johor, 2020 dan digunapakai data tersebut sehingga Mac 2022.

**Jadual 4.1** Jadual bilangan penduduk tempat kediaman, isi rumah dan purata saiz rumah mengikut mukim/daerah kecil Muar, Johor, 2020.

Bil	Mukim	Jumlah penduduk	
		Lelaki	Perempuan
1	Bandar	38013	37631
2	Bakri	31869	19042
3	Parit Bakar	10442	8632
4	Parit Jawa	10050	7093
5	Sungai Balang	7742	7713
6	Sri Menanti	8609	4629

#### 4.2.1 Jantina Responden




**Rajah 4.1:** Rajah Jantina Responden

(Sumber: Borang soal selidik *google form*)

Berdasarkan rajah 4.1 terdapat seramai 204 orang responden lelaki dengan mewakili sebanyak 54.40%, manakala responden perempuan seramai 171 orang mewakili 45.60%. Responden lelaki mendominasi responden perempuan bagi menjawab edaran borang soal selidik berkaitan tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor berdasarkan enam mukim di daerah Muar, Johor melalui *google form*. Jumlah keseluruhan responden yang menjawab edaran borang soal selidik ini seramai 375 orang.

#### 4.2.2 Umur Responden




**Rajah 4.2:** Rajah Umur Responden

(Sumber: Borang soal selidik *google form*)

Berdasarkan rajah 4.2, bilangan mereka yang berumur 35 tahun ke bawah mendominasi seramai 157 orang dengan mewakili 41.90% dan diikuti oleh responden yang berumur 36 hingga 55 tahun iaitu seramai 112 orang yang mewakili 29.90% dan umur responden yang berumur 56 hingga 77 tahun seramai 105 orang dengan mewakili 28% serta hanya seorang responden yang berusia 78 hingga 99 tahun yang mewakili sekadar 1%. Berdasarkan umur responden yang menjawab soal selidik majoriti merupakan generasi kedua atau ketiga pemilik, pewaris atau penyewa rumah limas Johor di Muar.

#### 4.2.3 Jenis pekerjaan



**Rajah 4.3: Jenis pekerjaan**  
(Sumber: Borang soal selidik *google form*)

Mengikut rajah 4.3, status pekerjaan mereka yang memiliki rumah tradisional Melayu Johor didominasi oleh mereka yang bekerja sendiri iaitu seramai 131 orang yang mewakili 34.90% dan kedua adalah mereka yang bekerja dalam sektor swasta iaitu seramai 86 orang mewakili 22.90%. Bagi responden yang bekerja di sektor kerajaan seramai 76 orang dengan mewakili 20.30% dan diikuti dengan responden berstatus suri rumah seramai 47 mewakili 12.50% serta hanya seramai 35 orang persara yang mewakili 9.30%.

### 4.3 Dapatan Kajian 1: Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Johor di Daerah Muar, Johor.

Daerah Muar merupakan daerah tertua yang berada di Negeri Johor yang semakin membangun dan mendapat Anugerah Standard Bandar Pelancong Bersih ASEAN bagi tempoh 2022 hingga 2024. Muar memiliki keunikan kedaerahan tersendiri di mana masih terdapat rumah tradisional Melayu Johor yang masih utuh walaupun usia rumah melebihi 70 tahun.

**Jadual 4.2:** Bilangan Rumah Tradisional Melayu Johor Mengikut Mukim

Bil	Mukim Menetap	Bilangan Rumah
1	Bandar	3
2	Parit Bakar	5
3	Bakri	2
4	Parit Jawa	2
5	Sungai Balang	1
6	Seri Menanti	1
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang di jalankan oleh pengkaji hanya 14 buah rumah tradisional Melayu Johor yang diperolehi oleh pengkaji. Pemetaan rumah tradisional Melayu Johor ini diperolehi mengikut limitasi yang dihadapi oleh pengkaji. Tidak disangkalkan masih ada lagi rumah tradisional Melayu Johor yang masih mempamirkan ciri-ciri rumah tradisional Melayu Johor itu, namun mengikut temu bual pengkaji bersama penghulu mukim Bandar Muar menyatakan bahawa rumah tradisional Melayu Johor semakin berkurangan atau tiada lagi di mukim Bandar atas faktor kepesatan pembinaan

rumah moden di samping terdapat rumah tradisional yang dibiarkan usang tanpa didiami. Di samping itu, merujuk jadual 4.3.1 menunjukkan mukim Parit Bakar mempunyai bilangan rumah tradisional Melayu Johor yang tinggi sebanyak 5 buah rumah limas Johor. Menurut Ketua Kampung Pinang Seribu, mukim Parit Bakar iaitu Mustapha bin Mubari masih terdapat banyak rumah tradisional Melayu Johor di kampung beliau oleh kerana ruang kawasan yang luas dan banyak kawasan perkampungan di samping penduduk yang mempunyai latar belakang penghijrahan dari kepulauan Riau.



**Rajah 4.4:** Temu bual Bersama Penghulu Mukim Parit Bakar dan Ketua-ketua Kampung

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 28 September 2022)



**Rajah 4.5:** Mengenal pasti Rumah Tradisional Melayu Johor Bersama Ketua Kampung Pinang Seribu

(Sumber: Gambar Diambil oleh pengkaji pada 28 September 2022)

Bagi mukim Bakri dan Parit Jawa, pengkaji memperolehi masing-masing sebanyak 2 buah rumah limas Johor. Pengkaji memperolehi berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan kepada penghulu mukim Bakri dan Parit Jawa. Menurut ketua Mukim Parit Jawa iaitu Tuan Mohd Afezan bin Yahya, beliau tidak pasti berapa bilangan rumah limas Johor yang masih ada di sekitar mukim Parit Jawa tersebut. Walaubagaimanapun, ada penduduk kampung yang menyatakan masih ada bilangan rumah limas di mukim Parit Jawa namun semakin berkurangan.



**Rajah 4.6:** Rumah Terbiar di Mukim Bakri

(Sumber Gambar diambil oleh pengkaji pada 29 September 2022)



**Rajah 4.7:** Rumah Usang di Mukim Bandar

(Sumber Gambar diambil oleh pengkaji pada 21 September 2022)

Rumah Haji Ismail Bin Sarip  
Alamat: 7, Jalan Hashim, Muar,  
Johor.



Rumah Suhana Binti Sukardi  
Alamat: No 31, Jalan Majidi,  
Muar, Johor.



Rumah Mohd Reza Binti Nazran  
Alamat: No 12, Jalan Ibrahim,  
Bandar Muar



Mohd Hanfiah Bin Kemad  
Alamat: Kampung Parit Ulu,  
Bakri Batu 6, Muar.



Rumah Norliah Binti Mohd Desa  
Alamat: No 45, Kampung Part  
Ulu Batu 5<sup>1/2</sup>



Haji Abdul Razak bin Haji Yusof  
Alamat: PPL 8, 1212, Parit  
Payung Laut, Jalan Abdul  
Rahman, Muar



Mokhtar bin Masnot  
Alamat: MRBP, TL, E47 Parit  
Minang Seribu, Jln Temenggong  
Ahmad, Muar



Baruddin bin Abdul Rahman  
Alamat: Parit Pinang Seribu,  
Parit Bakar, Muar.



Nur Farahin Binti Rahman  
Alamat: Jalan Parit Pinang  
Seribu, 84000, Muar



Halimaton binti Hussin  
Alamat: No 28, Sungai Balang  
Besar, Muar




Rumah Abdullah Bin Musa  
Alamat: No 16, Parit Samsu Jln  
Temenggong Ahmad, Muar.



Rumah Hasiah Binti Ramlan  
Alamat: Lot 42, Parit Nipah,  
Paritt Jawa, Muar



Abdul Jalal bin Dollah  
Alamat: PSSD 9, Kampung Parit  
Pinang Seribu Darat, Muar.



Rajah 4.8: Peta Bilangan Rumah Lintas Mengikut Mukim  
(Sumber: Pengkaji, 2023)

#### 4.4 Dapatan Kajian 2: Tahap Pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu Johor

Bangunan mahupun tapak warisan memerlukan pemuliharaan agar dapat dipertontonkan kepada generasi akan datang. Bukan sekadar itu sahaja, pemuliharaan rumah tradisional dapat memanjangkan hayat struktur rumah tersebut. Oleh kerana itu, pemuliharaan rumah lama dan warisan perlu dipulihara mengikut prinsip-prinsip pemuliharaan yang betul dan berkesan. Secara umumnya masyarakat mengetahui seni bina rumah tradisional Melayu menggunakan bahan utama daripada kayu mahupun batu bata tanah liat. Oleh kerana bahan yang digunakan memerlukan pemuliharaan dan pemeliharaan daripada tuan empunya rumah serta organisasi warisan yang bertanggungjawab menjaga seni bina rumah tradisional Melayu Johor.

Penyelidik telah menggunakan garis panduan pemuliharaan bangunan yang telah di keluarkan oleh Jabatan Warisan Negara, Julai 2012 sebagai edaran kepada responden untuk mengetahui tahap pemuliharaan rumah tradisioal Melayu Johor. Garis panduan pemuliharaan bangunan yang dikeluarkan oleh Jabaran Warisan Negara adalah untuk memberi panduan kepada individu, masyarakat atau badan berorganisasi untuk memulihara bangunan warisan yang dimiliki berdasarkan prinsip-prinsip pemuliharaan bangunan warisan. Jika sesebuah rumah tersebut mempunyai nilai warisan dan sejarah ianya boleh dikonservasi dan didokumentari oleh pihak Jabatan Warisa Negara untuk di simpan sebagai rujukan, pendidikan dan penyelidikan. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah borang soal selidik dan pemilihan jawapan skala likert, seperti setiap nombor mewakili 1- Sangat Tidak Setuju (STS) 2- Tidak Setuju (ST) 3-Tidak Pasti (TP) 4- Setuju (S) 5- Sangat Setuju (SS).



**4.3: Jadual Taburan respondern berkaitan tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor**

Bil	Skala	1		2		3		4		5	
	Perkara	BR	%	BR	%	BR	%	BR	%	BR	%
1	Merekod terlebih dahulu jenis kerosakan pada struktur rumah yang mengalami kerosakan.	0	0	0	0	16	4.3	282	75.2	77	20.5
2	Merekod terlebih dahulu punca kerosakan yang di alami.	0	0	0	0	18	4.8	288	76.8	69	18.4
3	Merekod dan menyenaraikan jenis bahan yang digunapakai pada seni bina rumah tradisional Melayu Johor.	0	0	0	0	53	14.1	265	70.7	57	15.2
4	Mengekalkan penggunaan bahan yang asli untuk pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.	0	0	0	0	51	13.6	284	75.7	40	10.7
5	Melakukan pemeriksaan struktur reka bentuk rumah sebulan sekali.	0	0	1	0.3	24	6.4	255	68	95	25.3
6	Membuat rawatan pencegahan anai-anai pada struktur kayu yang digunakan pada pembinaan rumah tradisional Melayu Johor.	0	0	0	0	13	3.5	164	43.7	198	52.8
7	Mengupah tukang kayu yang mahir dalam seni bina rumah tradisional Melayu Johor.	0	0	0	0	39	10.4	254	67.7	82	21.9
8	Ragam hias pada fasad rumah dikekalkan bagi menjaga keaslian sejarah dan identiti sesebuah masyarakat.	0	0	0	0	20	5.3	243	64.8	112	29.9
9	Menggunakan cat yang asli atau seakan sama dengan warna cat terdahulu.	0	0	7	1.9	70	18.7	208	55.5	90	24.0
10	Mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak konservator bangunan bagi pemuliharaan rumah.	0	0	23	6.1	194	51.7	107	28.5	51	13.6

Bil	Skala Perkara	1		2		3		4		5	
		BR	%	BR	%	BR	%	BR	%	BR	%
11	Memulihara rumah tradisional Melayu Johor mengikut Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan daripada Jabatan Warisan Negara.	0	0	10	2.7	232	61.9	101	26.9	32	8.5
12	Melakukan penyelenggaraan rumah Tradisional Melayu Johor untuk kelihatan utuh dan cantik.	0	0	0	0	15	4	290	77.3	70	18.7
13	Struktur bumbung yang mengalami kerosakan digantikan dengan kekuatan jenis kayu dan kekemasan yang sama.	1	0.3	0	0	55	14.7	227	60.5	92	24.5
14	Mengganti kekemasan bumbung mengikut keseluruhan rupa bentuk dan jenis bahan sebagaimana rumah yang asal.	0	0	0	0	67	17.9	241	64.3	67	17.9
15	Mengekalkan kayu lantai asal yang masih baik.	0	0	0	0	27	7.2	295	79.2	51	13.7
16	Meyabungkan kayu lantai yang masih baik dengan kayu lantai baharu yang sama jenis dan saiz yang sama sekiranya perlu.	0	0	1	0.3	38	10.1	281	74.9	55	14.7
17	Baik pulih pintu dan tingkap berdasarkan punca kerosakan yang di alami dan bukan mengikut kehendak seperti kelihatan lebih cantik.	0	0	1	0.3	16	4.3	322	86.6	33	8.9
18	Mengekalkan struktur tangga mengikut bentuk dan seni rupa tangga yang asal.	0	1	4	1.1	23	6.1	288	76.8	60	16
19	Mengenalpasti corak ukiran asal dan mengukir semula dengan ukiran yang sama dengan bantuan tukang ukir tradisional.	0	0	3	0.8	23	6.1	294	78.4	55	14.7

20	Mengikis cat di bahagian struktur dinding rumah menggunakan teknik yang tidak memberi kesan teruk pada keadaan struktur rumah asal.	0	0	11	2.9	142	37.9	170	45.3	52	13.9
----	---	---	---	----	-----	-----	------	-----	------	----	------

**BR= Bilangan Responden**

Garis panduan pemuliharaan bangunan warisan yang dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara adalah salah satu cara atau panduan yang mengikut prinsip-prinsip pemuliharaan agar bangunan kekal dengan jangka hayat yang panjang, tidak menjejaskan nilai warisan dan memaksimumkan gangguan terhadap pemuliharaan bangunan. Terdapat 20 senarai pemuliharaan yang telah disediakan di dalam borang soal selidik melalui *google form* bagi menilai tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor. Hasil kajian ini diperolehi berdasarkan objektif kedua pengkaji iaitu menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor kepada pemilik rumah limas Johor di enam buah mukim yang terpilih.

Pemuliharaan yang pertama adalah merekod terlebih dahulu jenis kerosakan pada struktur rumah yang mengalami kerosakan. Berdasarkan hasil kekerapan terkumpul seramai 20.50% yang sangat setuju dan 75.20% yang setuju dengan pemuliharaan tersebut manakala hanya 4.30% yang tidak pasti di mana dengan merekod terlebih dahulu jenis kerosakan pada struktur rumah yang mengalami kerosakan dapat memulihara rumah tradisional Melayu Johor.

Kedua pula, merekod terlebih dahulu punca kerosakan yang di alami menunjukkan sebanyak 18.40% yang sangat setuju berbanding 76.80% yang setuju dan hanya 4.80% yang tidak pasti dengan pemuliharaan merekod terlebih dahulu punca kerosakan pada rumah tradisional Melayu Johor.

Diteruskan dengan merekod dan menyenaraikan jenis bahan yang digunapakai pada seni bina rumah tradisional Melayu Johor menunjukkan kekerapan sebanyak 15.20% sangat setuju berbanding 70.70% yang setuju berdasarkan pernyataan tersebut dan hanya 14.10% yang tidak pasti dengan cara pemuliharaan berikut.

Bagi tahap pemuliharaan dengan mengekalkan penggunaan bahan yang asli untuk pemuliharaan rumah tradisional menunjukkan sebanyak 75.70% yang setuju berbanding 10.70% sangat setuju terhadap tahap pemuliharaan tersebut dan hanya 13.60% tidak pasti dengan cara tersebut.

Tahap pemuliharaan yang seterusnya melakukan pemeriksaan struktur reka bentuk rumah sebulan sekali memaparkan kekerapan sebanyak 25.30% yang sangat setuju dan meyoriti responden memilih setuju sebanyak 68% dan hanya 6.40% yang tidak pasti dengan pemuliharaan tersebut namun ada seorang responden yang memilih tidak pasti dengan mewakili 0.3%.

Seterusnya, tahap pemuliharaan bagi membuat rawatan pencegahan anai-anai pada struktur kayu yang digunakan pada pembinaan rumah tradisional Melayu Johor menunjukkan kekerapan sebanyak 52.80% sangat setuju berbanding 43.70% yang setuju dan hanya 3.50% tidak pasti dengan pemuliharaan tersebut. Berdasarkan analisis pengkaji tahap pemuliharaan membuat pencegahan anai-anai pada struktur kayu rumah mendominasi diantara tahap pemuliharaan yang lain. Hal ini juga ada dikatakan oleh tuan rumah yang

limas Johor di mana rumah mereka ada menggunakan bahan penghapus anai-anai oleh kerana mereka mengetahui pereputan kayu berpunca daripada serangan anai-anai.

Selanjutnya tahap pemuliharaan bagi mengupah tukang kayu yang mahir dalam seni bina rumah tradisional Melayu Johor pula sebanyak 67.70% setuju berbanding 21.90% yang sangat setuju dan hanya 10.40% yang tidak pasti dengan pemuliharaan tersebut. Di sini dapat pengkaji analisis bahawa tahap pemuliharaan bagi mengupah tukang kayu yang mahir dalam seni binaan rumah tradisional Melayu Johor merupakan pemuliharaan yang di pilih oleh responden bagi menegekalkan seni bina rumah Limas Johor.

Tambahan lagi tahap pemuliharaan bagi ragam hias pada fasad rumah dikekalkan bagi menjaga keaslian sejarah dan identiti sesebuah masyarakat menunjukkan sebanyak 29.90% yang sangat setuju dengan pemuliharaan ini dan sebanyak 64.80% yang setuju serta hanya 5.30% yang tidak pasti dengan cara pemuliharaan tersebut. Oleh itu, pemuliharaan ragam hias pada fasad rumah juga dapat mengekalkan seni bina rumah limas Johor ini.

Seterusnya, tahap pemuliharaan seperti menggunakan cat yang asli atau seakan sama dengan warna cat terdahulu menunjukkan jumlah yang sangat setuju sebanyak 24% manakala 55.50% bagi pilihan setuju dan terdapat sebilangan 18.70% yang tidak pasti dengan menggunakan cat yang asli atau seakan sama dengan warna cat terdahulu sebagai pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor. Namun demikian terdapat sebanyak 1.90% tidak setuju dengan pernyataan berikut.

Dalam pada itu, tahap pemuliharaan mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak konservator bangunan bagi pemuliharaan menunjukkan tahap pemuliharaan yang sangat rendah dengan jumlah sangat setuju sebanyak 13.60% berbeza dengan jumlah bilangan tidak pasti iaitu 51.70% dan 6.10% yang tidak setuju. Walaubagaimana pun, masih ada yang memilih setuju sebanyak 28.50%. Hal ini berkemungkinan masyarakat tidak didedahkan dengan bidang konservator yang ada di Jabatan Warisan Negara (JWN). Menurut salah seorang tuan pemilik rumah limas Johor iaitu Encik Abdul Razak *“jika ingin membaiki rumah, saya lebih gemar meminta bantuan tukang kayu dan tidak mengetahui mempunyai khidmat konservator bagi memulihara rumah limas Johor”*.

Sementara itu, tahap pemuliharaan bagi memulihara rumah tradisional Melayu Johor mengikut Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan daripada JWN menunjukkan sebanyak 61.90% tidak pasti dan 2.70% tidak setuju berdasarkan pemuliharaan tersebut manakala sebanyak 26.90% yang setuju dan hanya 8.5% yang sangat setuju dengan pemuliharaan rumah mengikut garis panduan Pemuliharaan Banguna Warisan. Jika di teliti tahap pemuliharaan ini juga menjadi tahap rendah oleh kerana masyarakat atau pemilik rumah tidak mengetahui berkaitan garis panduan yang disediakan oleh JWN.

Seterusnya, tahap pemuliharaan melakukan penyelenggaraan rumah tradisional Melayu Johor untuk kelihatan utuh dan cantik menghasilkan sebanyak 77.30% yang setuju dan hanya 18.70% sangat setuju dengan pernyataan berikut. Manakala terdapat juga sebanyak 4% yang tidak pasti bahawa melakukan penyelenggaraan rumah tradisional Melayu Johor untuk

kelihatan utuh dan cantik adalah salah satu cara pemuliharaan rumah limas Johor di daerah Muar.

Selain daripada itu, tahap pemuliharaan bagi struktur bumbung yang mengalami kerosakan digantikan dengan kekuatan jenis kayu dan kekemasan yang sama menunjukkan bilangan sebanyak 227 orang dengan mewakili 60.50% yang setuju dan hanya 92 orang mewakili 24.50% setuju dengan pemuliharaan tersebut. Namun terdapat separuh 55 orang mewakili 14.70% tidak pasti dan terdapat juga 0.3% sangat tidak setuju terhadap pengantian struktur bumbung dengan bahan yang sama dengan bahan sebekum ini.

Di samping itu dengan mengganti kekemasan bumbung mengikut keseluruhan rupa bentuk dan jenis bahan sebagaimana rumah yang asal menunjukkan tahap berikut seramai 241 orang dengan mewakili 64.30% setuju berbanding 67 orang mewakili 17.90% tidak pasti dengan pernyataan pemuliharaan di dalam borang soal selidik. Namun bergitu masih ada yang memilih sangat setuju seramai 67 orang mewakili 17.90% bagi tahap pemuliharaan menggantikan kekemasan bumbung mengikut keseluruhan rupa bentuk dan jenis bahan sebagaimana rumah yang asal.

Diteruskan dengan tahap pemuliharaan mengekalkan kayu lantai asal yang masih baik menjadi antara pemuliharaan rumah dengan seramai 295 orang mewakili 79.20% setuju dan hanya 51 orang mewakili 13.70% sangat setuju dengan pemuliharaan tersebut manakala terdapat seramai 27 orang dengan mewakili 7.20% yang tidak pasti dengan pemuliharaan mengekalkan kayu lantai asal yang masih baik sebagai memulihara rumah limas Johor.

Lain daripada itu, tahap pemuliharaan seperti menyambungkan kayu lantai yang masih baik dengan kayu lantai baharu yang sama jenis dan saiz yang sama sekiranya perlu menunjukkan seramai 281 orang mewakili 74.90% yang setuju berbanding 38 orang mewakili 10.10% tidak pasti dengan pemuliharaan berikut. Terdapat juga seramai 55 orang mewakili 14.70% sangat setuju namun ada yang memilih tidak setuju hanya 0.30%

Tambahan pula, tahap pemuliharaan baik pulih pintu dan tingkap berdasarkan punca kerosakan yang di alami dan bukan mengikut kehendak seperti kelihatan lebih cantik memaparkan seramai 322 orang mewakili 86.60% setuju dan 33 orang mewakili 8.90% sangat setuju terhadap pernyataan pemuliharaan berikut. Namun terdapat sejumlah 4.3% mewakili 16 orang tidak pasti dan hanya 0.30% mewakili seorang tidak setuju dengan pemuliharaan yang dikemukakan oleh pengkaji

Dalam pada itu, tahap pemuliharaan bagi mengekalkan struktur tangga mengikut bentuk dan seni rupa tangga yang asal adalah salah satu garis panduan pemuliharaan bangunan warisan dengan sebanyak 76.80% mewakili 288 orang setuju dan seramai 60 orang mewakili 16% sangat setuju dengan pemuliharaan yang dinyatakan. Dari pilihan tidak pasti menunjukkan seramai hanya 23 orang dengan mewakili 6.10% dan sekadar 4 orang mewakili 1.10% yang tidak setuju bahawa dengan mengekalkan struktur tangga mengikut bentuk dan seni rupa tangga yang asal sebagai garis panduan pemuliharaan bangunan warisan atau rumah tradisioanl.



Di samping itu, tahap pemuliharaan mengenal pasti corak ukiran asal dan mengukir semula dengan ukiran yang sama dengan bantuan tukang ukir tradisional menunjukkan seramai 294 orang mewakili 78.40% setuju dan hanya 55 orang mewakili 14.70% sangat setuju dengan pernyataan pemuliharaan tersebut. Manakala sekadar 23 orang mewakili 6.10% tidak pasti dan hanya 3 orang mewakili 0.80% tidak setuju dengan pemuliharaan yang dikemukakan.

Dengan tahap pemuliharaan seperti mengikis cat di bahagian struktur dinding rumah menggunakan teknik yang tidak memberi kesan teruk pada keadaan struktur rumah asal memaparkan seramai 170 orang mewakili 45.30% setuju berbanding 52 orang mewakili 13.90% sangat setuju terhadap pernyataan pemuliharaan yang diedarkan di dalam borang soal selidik. Namun demikian, terdapat seramai 142 orang mewakili 37.90% tidak pasti dan hanya 11 orang mewakili 2.90% tidak setuju bahawa dengan mengikis cat dibahagian struktur dinding rumah menggunakan teknik yang tidak memberi kesan teruk pada keadaan struktur rumah asal menjadi salah satu pemuliharaan yang boleh dilakukan oleh pemilik rumah limas Johor.









Natijahnya, tahap pemuliharaan bangunan warisan yang telah di senaraikan oleh pengkaji telah di nilai oleh responden-responden yang telah menjawab edaran borang soal selidik melalui *google form*. Oleh itu, apa yang dapat disimpulkan oleh pengkaji adalah terdapat dua perkara pemuliharaan yang menunjukkan tahap yang sangat tinggi jumlah sangat setuju dan ada dua perkara pemuliharaan yang memaparkan tahap yang rendah jumlah sangat setuju. Tahap pemuliharaan bagi melakukan pemeriksaan struktur reka bentuk rumah sebulan sekali dan membuat pencegahan anai-anai pada struktur kayu yang digunakan

pada pembinaan rumah tradisional Melayu Johor menunjukkan jumlah sangat setuju masing-masing 25.30% dan 52.80%.

Dalam pada itu, tahap pemuliharaan bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak konservator bangunan bagi pemuliharaan rumah dan memulihara rumah tradisional Melayu Johor mengikut Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan daripada JWN menunjukkan jumlah sangat setuju yang rendah iaitu masing-masing mewakili 13.60% dan 8.5%. Hal yang demikian dapat membuktikan bahawa masyarakat yang mempunyai rumah tradisional Melayu Johor ini masih mempunyai kesedaran mahupun pengetahuan pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor yang umum seperti melakukan pemeriksaan reka bentuk rumah dan penggunaan pencegahan anai-anai pada reka bentuk rumah.

#### 4.5 Dapatan Kajian 3: Keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor

Reka bentuk setiap rumah mempunyai pelbagai ciri mengikut kawasan yang didiami. Fasad merupakan pandangan setiap struktur pada bangunan seperti orientasi bangunan, tingkap, bukaan pintu, tingkap, bumbung dan tiang. Dengan menggunakan borang inventori keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor, penyelidik dapat menilai fasad yang manakah menonjolkan keistimewaan dan yang ada pada 14 buah rumah.

Pemili kini	Haji Abdul Razak bin Haji Yusof		
Nama pemilik asal	Hajah Aminah binti Haji Sirad		
Hubungan (2) dan (1)	Anak		
Jenis bumbung	Rumah bumbung Limas		
Alamat	PPL 8, 1212, Parit Payung Laut, Jalan Abdul Rahman, Muar		
Tahun dibina	2 Mei 2022		
Keturunan	Jawa		
<b>Reka Bentu Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor</b>			
Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.9:** Fasad Rumah Haji Abdul Razak bin Haji Yusuf  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 27 September 2022)

Rumah Limas milik Haji Abdul Razak bin Haji Yusof terletak di Kampung Parit Payung iaitu di Mukim Parit Bakar. Tanah yang di bina rumah Limas Johor itu kepunyaan arwah ibu kepada Haji Abdul Razak iaitu Hajah Amiah binti Haji Sirad. Rumah Limas tersebut telah di bina pada 2 Mei 2022. Pembinaan rumah Limas beliau telah diupah oleh tukang kayu yang mahir dalam ciri reka bentuk rumah Limas Johor. Jika dilihat fasad dari atas ianya menggunakan jenis rumah bumbung limas dan mengguna kekemasan genting keluli. Terdapat juga elemen tradaisional di mana pemasangan tunjuk langit. Manakal dinding rumah Limas beliau diperbuat dari kayu cengal. Hal ini bagi penggunaan dalam jangka masa lebih dari 5 tahun.

Tiang rumah pula menggunakan kayu terpakai dari rumah lama. Keadaan tiang lama pada rumah ibunya dahulu masih dalam keadaan baik dan masih boleh digunakan. Untuk kelihatan baru ianya di warnakan dengan cat minyak. Tangganya diperbuat daripada batu-bata merah. Manakala pintunya juga diperbuat dari kayu cengal. Bagi ragam hias terdapat pada jerejak tingkap, tangga dan papan pemanis. Terdapat anjung dan serambi yang merupakan salah satu ciri rumah tradisional Melayu Johor yang ada pada rumah Haji Razak. Menurut beliau lagi kos pembinaan rumah ini menelan belanja sebanyak RM 253 000. Beliau sedar bahawa pembinaan menggunakan bahan kayu menelan belanja yang tinggi, namun oleh kerana keinginan bilau ingin mengekalkan ciri rumah Limas Johor maka terbinanya rumah tersebut. Oleh kerana rumah tersebut kelihatan unik dan cantik ianya telah menjadi tumpuan penduduk setempat tidak kurang ada media yang menemu bual Haji Razak.


Nama pemilik kini (1)	Haji Ismail bin Sarip	 
Nama pemilik asal (2)	Abidah binti Sulong	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	7, Jalan Hashim, Muar, Johor.	
Tahun dibina	1920	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.10:** Fasad Rumah Encik Haji Ismail bin Sarip  
 (Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 21 September 2022)

Rumah Limas Johor yang dimiliki oleh Haji Ismail bin Sarip terletak di alamat 7, Jalan Hashim, Muar Johor. Rumah limas ini berusia melebihi 100 tahun dan di bina pada tahun 1920. Rumah limas ini asalnya dimiliki oleh ayah mentua Puan Abidah binti Sulong. Selepas kematian ayah mentuanya rumah tersebut di serahkan kepada Puan Abidah dan beliau berpindah ke rumah tersebut pada tahun 1938. Selepas kematian Puan Abidah, rumah tersebut diserahkan kepada anaknya iaitu Encik Haji Ismail. Kekemasan genting yang digunakan adalah genting keluli dan masih dalam keadaan baik. Kayu yang digunakan tidak di kenal pasti oleh anaknya dan keadaan dinding, anjung dan serambi memuaskan. Hal ini kerana rumah tersebut tidak lagi didiami oleh anaknya dan hanya digunakan untuk aktiviti perjumpaan komuniti. Terdapat ragam hias pada jerejak tingkap, tangga dan papan pemanis. Menurut anaknya, rumah tersebut mengalami ubah suai seperti dahulunya memakai pagar musang dan diubah kepada struktur batu yang lebih tahan dan tinggi 8 kaki.



**Rajah 4.11:** Rumah Puan Abidah Di Dalam New Straits Times, 2006

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 21 September 2022)

Nama pemilik kini (1)	Suhana binti Sukardi	 
Nama pemilik asal (2)	Tok Osman	
Hubungan (2) dan (1)	Penyewa	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas belanda	
Alamat	No 31, Jalan Majidi, Muar, Johor.	
Tahun dibina	-	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tingkap
		
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting
		


**Rajah 4.12:** Fasad Rumah Puan Suhana binti Sukardi  
 (Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 21 September 2022)

Berdasarkan pemerhatian pengkaji semakin berkurangan rumah Limas Johor di sekitar kawasan Bandar. Namun begitu rumah Limas Johor yang masih ada di kawasan bandar tidak mendapat pemuliharaan yang sewajarnya. Rumah Limas yang didiami oleh Puan Suhana binti Sukardi memiliki jenis bumbung belanda. Rumah tersebut di sewa oleh Puan Suhana daripada pakcik saudara. Menurut Puan Suhana usia rumah tersebut melebihi daripada 70 tahun. Terdapat struktur rumah tradisional tersebut mengalami kecacatan dari segi dinding dimakan anai-anai, tangga yang ditumbuhi organik dan cat mengelupas pada dinding kayu. Rumah Limas bumbung belanda ini mempunyai perbezaan dari segi reka bentuk pandangan hadapan rumah. Apabila melihat ianya mempunyai rupa hexagon yang mempunyai 6 bucu.



**Rajah 4.13:** Serangan anai-anai

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 21 September 2022)



**Rajah 4.14:** Cat mengelupas pada tingkap

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 21 September 2022)



Nama pemilik kini (1)	Mohd Reza bin Nazran	 
Nama pemilik asal (2)	Adam bin Ahmad	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas belanda	
Alamat	No 12, Jalan Ibrahim, Bandar Mur	
Tahun dibina	-	
Keturunan	Melayu	



**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.15:** Fasad Rumah Mohd Reza bin Nazran

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 21 September 2022)

Rumah Limas Johor milik Encik Reza terletak di Mukim Bandar. Rumah beliau merupakan salah satu rumah Limas yang akan menarik perhatian mereka yang melalui Jalan Ibrahim- Jalan Khalidi. Rumah tersebut milik bapanya iaitu Tuan Adam bin Ahmad dan kemudian didiami oleh Encik Reza dan ibunya. Menurut beliau rumah tersebut menjangkau usia 100 tahun. Masih mengekalkan bahan binaan daripada kayu bagi dinding, lantai, tingkap dan tiang. Rumah limas ini tidak mempunyai serambi namun terdapat anjung rumah yang mempunyai kelebaran 8 kaki dan terdapat kerawang pada bahagian atas anjung. Menurut Encik Reza rumah ini tidak banyak dilakukan pemuliharaan oleh kerana rumah atas tersebut jarang digunakan untuk melakukan aktiviti harian dan hanya rumah bahagian bawah sahaja yang sering digunakan. Cat pada rumah tersebut juga hanya di tukar cat sebanyak 2 kali dengan warna yang hampir sama dengan warna terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik papan lantai kayu rumahnya memuaskan oleh kerana rasa akan reput kayu tersebut. Terdapat juga tingkap yang mengalami kecacatan dari segi sisir angin tertanggal dan cat mengelupas pada tangga. Walaubagaimanapun, rumah tersebut memaparkan keistimewaan fasad dari segi anjung, bumbung Limas Belanda dan tingkap.

Nama pemilik kini (1)	Mokhtar bin Masnot	 
Nama pemilik asal (2)	Masnot bin Tahar	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	MRBP, TL, E47 Parit Minang Seribu, Jln Temenggong Ahmad, Muar.	
Tahun dibina	1922	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.16:** Fasad Rumah Mokhtar bin Masnot

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 28 September 2022)

Rumah Limas Johor tidak terkecuali dalam perambahbaikan dari segi rupa bentuk, pembinaan tangga mozek serta kekemasan genting. Rumah Limas Johor milik Tuan Mokhtar bin Masnot terletak di TL, E47 Parit Minang Seribu, Jalan Temenggong Ahmad, Muar. Rumah tersebut kepunyaan bapanya dan telah diwarisi oleh beliau. Rumah Limas tersebut mempunyai bahan campuran seperti kayu, simen dan mozek. Keistimewaan rumah Tuan Mokhtar adalah mempunyai dua anjung iaitu satu disebelah hadapan dan satu lagi disebelah belakang. Terdapat penambahbaikan dari segi anjung depan iaitu lantainya menggunakan bahan daripada mozek serta tangganya juga. Lantai rumah beliau masih menggunakan bahan daripada kayu dan masih kukuh apabila dipijak. Terdapat corak pada dinding luar dan kerawang di bahagian dalam. Selain daripada itu, keistimewaan rumah ini adalah menggunakan silling daripada kayu dan reka bentuk tingkap labuh yang masih mempunyai sisir angin.



**Rajah 4.17:** Silling Daripada Kayu Dan Motif Ukiran Dinding  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 28 September 2022)

Nama pemilik kini (1)	Abdul Jalal bin Dollah	 
Nama pemilik asal (2)	Dollah bin Mohammad	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	PSSD 9, Kampung Parit Pinang Seribu Darat, Muar.	
Tahun dibina	Tidak dikenalpasti	
Keturunan	Jawa	



**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.18:** Fasad Rumah Abdul Jalal bin Dollah

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 28 September 2022)

Rumah Limas Tuan Abdul Jalal ini milik ayah mentuanya. Rumah tersebut terletak di PPSD 9, Kampung Parit Pinang Seribu Darat, Muar. Tuan Abdul Jalal merupakan keturunan Jawa dan mahir dalam seni pertukangan. Rumah tersebut baru sahaja siap dibina olehnya. Rumah Limas beliau telah ditambah dari segi anjung dan serambi oleh kerana rumah sebelum ini tidak memiliki kedua-dua fasad tersebut. Oleh kerana rumah Limas tersebut baru dibina maka tiada sebarang kecacatan yang terdapat pada rumah. Keadaan struktur rumah kelihatan semuanya masih kukuh. Terdapat juga tangga kayu yang digunakan oleh Tuan Jalal di bahagian tengah antara anjung dan serambi. Anjung ini berfungsi sebagai menyambut tetamu yang tidak dikenali oleh tuan rumah dan boleh bertegur sapa di kawasan anjung. Tingkap yang digunakan juga jenis tingkap labuh namun tidak terdapat corak pada tingkap tersebut. Tinggi pagar musang yang dibuat adalah 4 kaki dan menggunakan bahan gabungan kayu dan simen. Rumah Limas ini diperbaiki oleh beliau oleh kerana peninggalan bapa mentua dan keinginan isterinya untuk kelihatan rumah Limas cantik, unik dan menarik perhatian orang yang melihatnya.

Nama pemilik kini (1)	Baruddin bin Abdul Rahman	 
Nama pemilik asal (2)	Abdul Rahman bin Andak	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	Parit Pinang Seribu, Parit Bakar, Muar.	
Tahun dibina	1920	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tingkap
		
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting
		

**Rajah 4.19:** Fasad Rumah Baruddin bin Abdul Rahman  
 (Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 28 September 2022)

Rumah Limas kepunyaan Baruddin bin Abdul Rahman terletak di Parit Pinang Seribu di Mukim Pariy Bakar. Rumah Lims ini dibina mengikut jeneasi yang mewarisi rumah tarsebuT. Pada bahagian depan rumah itu di bina oleh kedua ibu bapanya. Bahagian tengah di sambung oleh akaknya dan bahagian belakang di tambah sendiri oleh Encik Baruddin. Kesemua tingkap di rumah Encik Baruddin masih menggunakan jenis tingkap labuh yang mana masih mengekalkan salah satu ciri rumah Limas Johor. Tannga belakang yang di bina menggunakan simen batu kapur. Menurut Encik Baruddin ianya menambah dibahagian anjung dengan memasang mozek. Di ruangan ibu diguankan untuk mengajar mengajir dan mendengar tazkirah.



Nama pemilik kini (1)	Mohd Hanafiah bin Kemad	 
Nama pemilik asal (2)	Sadiyah binti Abdullah	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	Kampung Parit Ulu, Bakri Batu 6, Muar	
Tahun dibina	Tidak dikenalpasti	
Keturunan	Jawa	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**



Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.20:** Fasad Rumah Mohd Hanfiah bin Kemad

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 29 September 2022)

Rumah limas milik Encik Hanafiah yang terletak di Kampung Parit Ulu Bakri Batu 6 mempunyai bumbung Limas jenis perabung lima. Rumah Encik Hanafiah masih menggunakan struktur kayu dan bahan binaan yang digunapakai adalah kayu jenis cengal. Rumah Encik Hanafiah juga masih mengekalkan penggunaan pagar perangkap musang yang berukuran 4 kaki dan masih menggunakan bahan kayu. Terdapat anjung dan juga serambi yang masih berstruktur kayu dan ukuran bagi serambi rumahnya hanya berkeluasan 6 kaki. Menurutnya, rumah tersebut adalah pinggalan arwah ibunya kepada encik Hanafia berserta abang sulungnya. Papan lantai di ruangan serambi rumah tersebut dalam keadaan memuaskan oleh kerana ada beberapa kepingan papan yang sudah lendut.

Terdapat ukiran motif di jerajak tingkap rumahnya yang bermotifkan flora dan geometri. Walaubagaimanapun, menurut beliau lagi rumah limas Johor di mukim Bakri semakin berkurangan oleh kerana ada berlakukan pengubahsuaian pada ketinggian rumah limas Johor tersebut. Menurutnya lagi, banyak rumah atas atau rumah yang tingginya 4 ke 6 kaki telah diturunkan oleh faktor kerosakan padan kayu serta keinginan pemilik rumah yang tidak lagi mahu rumah yang tinggi dan bertanggung. Semua struktur rumah Encik Hanafiah masih kekal dengan bahan reka bentuk yang asli, Cuma berlaku perubahan atau perwarnaannya semula pada dinding-dinding anjung dan serambi dimana beliau tidak menggunakan warna yang akan sama dengan warna yang sebelumnya. Beliau memilih warna orange oleh kerana warnanya yang terang dan lebih cantik. Keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Encik Hanafiah adalah terlihat di jenis bahan binaan, struktur reka bentuk rumah dan motif pada jerajak tingkap.

Nama pemilik kini (1)	Norliah binti Mohd Desa	 
Nama pemilik asal (2)	Tasmen bin Tujan	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	No 45, Kampung Part Ulu Batu 5 <sup>1/2</sup>	
Tahun dibina	1940	
Keturunan	Melayu	



**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.21:** Fasad Rumah Norliah binti Mohd Desa

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 29 September 2022)

Kawasan perkampungan merupakan salah satu kawasan yang menempatkan atau mengumpul rumah limas Johor yang masih ada di setiap mukim di daerah Muar. Mukim Bakri boleh dikatakan masih banyak lagi perkampungan tapi menurut salah seorang responden iaitu Encik Hanafiah di mana kebanyakan rumah limas di Mukim Bakri telah diubahsuai dari rumah atas kepada rumah bawah. Rumah Limas Johor Puan Norliah terletak di No 45, Kampung Part Ulu Batu 51/2 dan reka bentuk bumbungnya adalah bumbung Limas oleh kerana ada pecahan diantara anjung dan rumah ibu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji rumah tersebut masih dalam penambahbaikan oleh kerana ada bahan-bahan pembinaan rumah di anjung rumah tersebut. Menurut puan Norliah rumah itu adalah milik suaminya yang diwariskan dari ayahnya. Jika dilihat terdapat bahagian tambahan struktur rumah konkrit di bahagian belakang rumah Limas tersebut. Hal ini kerana rumah yang ditambah dibahagian belakang digunakan untuk aktiviti harian seperti berkumpul bersama keluarga, beristirehat dan ruangan tidur. Rumah limas dibahagian deoan jarang digunakan oleh kerana ketidak tahanan lantai kayu yang tidak memuaskan.

Nama pemilik kini (1)	Halimaton binti Hussin	 
Nama pemilik asal (2)	Hussin bin Haji Rais	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	No 28, Sungai Balang Besar, Muar	
Tahun dibina	Lebih 100 tahun	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.22:** Fasad Rumah Halimaton binti Hussin  
 (Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 3 Oktober 2022)

Rumah Limas milik Puan Halimaton binti Hussin terletak di alamat No 28, Sungai Balang Besar Muar. Pemilik asal rumah tersebut adalah milik arwah ayahnya iaitu Hussin bin Haji Rais. Jenis reka bentuk bumbung adalah bumbung limas yang mempunyai satu perabung tengah dan empat perabung mencuram ke atap. Fasad reka bentuk rumah ini masih dalam keadaan memuaskan. Terdapat ukiran motif pada jerajak tinkap rumah limas tersebut. Hanya terdapat fasad anjung yang berukuran 6 kaki dan tiada serambi pada rumah Limas Puan Halimaton. Tambahan menurut beliau di Sungai Balang sudah kekurangan rumah Limas oleh kerana ada yang telah mengubahsuaikan dari rumah atas ke rumah bawah. Temu bual daripada Puan Halimaton selari dengan perbualan oleh penghulu mukim Sungai Balang yang menyatakan semakin sedikit rumah Limas yang terdapat di mukim tersebut. Namun begitu terdapat satu perkampungan Kampung Bugis di Mukim Sungai Balang yang boleh dijadikan kajian untuk penyelidikan akan datang bagi mengkhususkan kampung tersebut oleh kerana terdapat juga rumah limas yang di duduki oleh kaum Jawa dan Bugis.

Nama pemilik kini (1)	Hasiah binti Ramlan	 
Nama pemilik asal (2)	Sarbidar binti Abdul Razak	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	Lot 42, Parit Nipah, Paritt Jawa, Muar	
Tahun dibina	Tidak dikenalpasti	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.23:** Fasad Rumah Hasiah binti Ramlan  
 (Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 3 Oktober 2022)

Di kampung-kampung yang terpencil sudah tentu terdapat rumah Limas Johor yang masih tersegam indah. Penyelidik telah ke rumah Limas milik Puan Hasiah binti Ramlan di alamat Lot 42, Parit Nipah, Parit Jawa, Muar. Rumah ini diwariskan kepada Puan Hasiah oleh arwah ibunya, Menurut puan Hasiah reka bentuk asal rumah Limas ini hanya berbentuk segi empat sama. Oleh itu, rumah tersebut telah diubahsuai dibahagian hadapan dengan menambah anjung dan serambi yang baru diperbuat daripada bahan konkrit dan mozek. Jika dilihat pada dinding dan tingkap rumah Limas tersebut ianya Nampak tidak memuaskan oleh kerana terdapat kecacatan pada kedua-dua fasad. Ditambah pula dengan temu bual bersama anak lelaki puan Hasiah rumah atas tersebut sudah jarang digunakan oleh kerana terdapat kesan serangan anai-anai. Walaubagaimanapun, fasad reka bentuk rumah tersebut masih dikekalkan dan ditambah baik dengan penggunaan bahan daripada konkrit



Nama pemilik kini (1)	Abdullah bin Musa	 
Nama pemilik asal (2)	Haji Mahmud bin Haji Manan	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas	
Alamat	No 16, Parit Samsu Jln Temenggong Ahmad, Muar.	
Tahun dibina	1930	
Keturunan	Melayu	

### Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor

Anjung dan serambi	Dinding	Tiang dan pelapik	Tingkap
			
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting	
			

**Rajah 4.24:** Fasad Rumah Abdullah bin Musa

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 12 Oktober 2022)

Jika menggunakan laluan Jalan Temenggong Ahmad ke Batu Pahat dapat kita lihat rumah yang terlihat utuh dan tersegam indah yang berusia lebih dari 100 tahun. Rumah tersebut adalah rumah milik Encik Abdullah yang telah ditinggalkan oleh bapa mentuanya. Menurut beliau rumah limas tersebut tidak digunakan sepenuhnya untuk aktiviti harian namun digunakan untuk di jadikan pusat spa yang diuruskan oleh anak perempuannya. Namun oleh kerana kekangan wabak Covid-19 ianya tidak lagi dijadikan pusat spa. Menurut beliau lagi rumah tersebut tidak banyak dipulihara oleh kerana ingin menjaga keaslian rumah tersebut. Namun begitu Encik Abdullah ada menyatakan bahawa petukaran cat pada dinding rumah telah dilakukan dan tidak menggunakan warna yang samam. Rumah tersebut juga merupakan milik Imam besar Daerah Muar pada suatu Ketika dahulu. Rumah tersebut mempunyai anjung yang berlantaikan mozek dan mempunyai tangga batu yang dibina sejak awalnya lagi.



**Rajah 4.25:** Haji Mahmud Bin Haji Manan Pemilik Asal Rumah Limas Johor  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 12 Oktober 2022)

Nama pemilik kini (1)	Nur Farahin binti Rahman
Nama pemilik asal (2)	Maelah binti Hassan
Hubungan (2) dan (1)	Penyewa
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung limas
Alamat	Jalan Parit Pinang Seribu, 84000, Muar
Tahun dibina	Tidak dikenalpasti
Keturunan	Melayu



**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi



Dinding



Tingkap



Tangga



Pintu





Bumbung rumah dan kekemasan genting



**Rajah 4.26:** Fasad Rumah Nur Farahin binti Rahman  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 12 Oktober 2022)

Rumah limas yang masih utuh dan sempurna struktur tidak semesti di warisi oleh anak-anak pemilik rumah asal oleh kerana terdapat anak-anak yang sudah memiliki rumah sendiri mahupun cita rasa reka bentuk rumah berbeza. Rumah Limas di alamat Jalan Parit Pinang Seribu, 84000, Muar yang didiami oleh Puan Nur Farahin binti Rahman hanyalah disewa olehnya. Sewa yang dikenakan adalah RM 450 sebulan. Oleh itu, penyelidik tidak dapat maklumat terperinci seperti berapa usia rumah, jenis bahan yang digunapakai dan sejarah rumah tersebut. Namun menurut Puan Farrah keadaan rumah masih baik dan lantai rumah tersebut masih menggunakan lantai kayu. Rumah limas ini menggunakan jenis bumbung limas belanda dimana terlihat bentuk pyramid dibahagian hadapan. Tidak menjadi kesalahan memberi sewa rumah tradisional kepada orang lain. Hal ini kerana tidak berlaku lambakan rumah terbiar di mukim Parit Bakar.

Nama pemilik kini (1)	Yusuf bin Sarmadi	 
Nama pemilik asal (2)	Masinom bin Ahmad	
Hubungan (2) dan (1)	Anak	
Jenis bumbung rumah	Rumah bumbung Limas Belanda	
Alamat	Kampung Parit Sri Menanti, Jalan Muar, 84510, Muar	
Tahun dibina	1910	
Keturunan	Melayu	

**Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor**

Anjung dan serambi	Dinding	Tingkap
		
Tangga	Pintu	Bumbung rumah dan kekemasan genting
		

**Rajah 4.27:** Fasad Rumah Yusuf bin Sarmadi

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji 12 Oktober 2022)

Terdapat rumah Limas Johor yang terkenal di mukim Sri Menanti apabila menggunakan jalan Muar ke Batu Pahat. Rumah tersebut adalah milik Allahyarhama Hajah Masinom binti Ahmad yang berusia hampir 112 tahun. Kini rumah tersebut telah diwarisi oleh anaknya iaitu Encik Yusuf bin Sarmadi. Rumah limas ini mempertontonkan jenis bumbung belanda. Struktur rumah juga masih kekal menggunakan bahan daripada kayu dan menggunakan tingkap labuh. Berdasarkan pemerhatian penyelidik pemilik rumah kini memulihara dengan baik dan berkesan oleh kerana keadaan dinding dan lantai papan yang masih kukuh. Rumah Limas ini pernah ditayangkan di dalam akhbar Sinar Harian 25 Mac 2017. Bukan itu sahaja bentuk landskap rumah Limas ini juga sangat cantik dan indah malah boleh turut dijadikan tempat bergambar oleh para pengantin yang ingin berlatarkan rumah Limas Johor ini.



**Rajah 4.28:** Aktiviti Menukar Cat Pada Anjung Rumah Liams

(Sumber diambil oleh pengkaji pada 12 Oktober 2022)

## 4.6 Penutup

Rumah Limas Johor memarkan ciri-ciri kesopanan di dalam reka bentuknya. Hal ini kerana nenek moyang kita membina rumah berpandukan arah kiblat. Pintu masuk perlu di buat mengikut arah kiblat agar tidak mengganggu orang lain ketika solat. Ciri utama yang dapat kita lihat adalah pada tingkap. Tingkap yang digunakan pada rumah Limas Johor adalah jenis tingkap labuh. Rumah Limas di Muar Johor masih terpilihara namun berlaku pengubahsuaian mengikut zaman teknologi kini.

Jika kita lihat fasad utama yang paling utama yang menonjolkan keistimewaan adalah anjung dan serambi. Menurut Zakaria Yaa'Cob. Ahmad Faisal Yusoh & Tajul Edrus Nordin (20210), ruangan anjung digunakan sebagai ruang untuk meraikan tetamu dan hanya dikhususkan untuk kaum lelaki manakala ruangan serambi pula berfungsi sebagai tempat berehat sebelum memasuki ruang tengah. Manakala menurut tukang kayu iaitu Encik Elias, ruang serambi bagi rumah Limas Johor tidak terlalu besar cuku sekadar lebar 6 ke 8 kaki. Fasad yang seterusnya adalah pengejalan tingkap labuh. Kesemua rumah yang dikaji oleh penyelidik masih mengekalkan penggunaan tingkap labuh daripada bahan kayu. Tingkap labuh ini tidak banyak menampilkan corak namun oleh kerana peredaran masa tingkap labuh sekrang mempunyai corak timbul dan cermin warna-warni di permukaanya.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab terakhir di dalam projek penyelidikan ini yang menyatakan 3 subtajuk iaitu perbincangan, cadangan dan kesimpulan. Hasil dapatan berdasarkan objektif kajian iaitu mengenalpasti bilangan taburan rumah tradisional Melayu Johor, menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor dan menilai keistimewaan fasad reka bentuk rumah tradisional Melayu Johor di Daerah Muar daripada bab sebelum ini akan dibincangkan di dalam bab ini dan seterusnya mencadangkan kajian lanjutan yang boleh di teruskan oleh penyelidik akan datang. Pengkaji merumuskan hasil daripada perbincangan berkaitan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh penyelidik. Dengan adanya perbincangan dapat melihat sejauhmana hasil dapatan yang diperolehi oleh penyelidik di dalam kajian ini manakala cadangan dapat membuka ruang dan peluang kepada penyelidik lain bagi melihat jarak jurang kajian yang dipilih bagi keperluan semasa dan akan datang. Bagi kesimpulan pula, dapat merangkumkan kesemua kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik sekaligus dapat menyempurnakan kajian berkaitan kajian terhadap pemetaan rumah tradisioanl Melayu Johor di Daerah Muar, Johor.




## 5.2 Perbincangan Mengenai Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Johor di Daerah Muar

Pembinaan menghasilkan rumah tradisional melayu juga mengalami perubahan dan pembaharuan dari segi bahan yang digunakan, reka bentuk fasad dan kaedah pertukagan. Rumah limas perabung lima bukan sekadar terkenal di negeri Johor manakala terdapat juga di negeri-negeri lain namun bilangannya tidak terlalu banyak. Rumah limas Johor kebanyakannya diperbuat daripada bahan kayu cangal, keranji dan meranti. Seni bina rumah Limas memaparkan identiti melalui bumbungnya iaitu mempunyai 1 perabung terus mendatar bersambung dengan empat perabung menurun ke kecucur atap.



**Rajah 5.1:** Rumah Limas Johor di Laman Seni Warisan, Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor

(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 24 Ogos 2022)



**Rajah 5.2:** Jenis Bumbung Rumah Limas Di Johor

(Sumber: Tesis Identiti Ukiran Kayu Bagi Rumah Limas Johor)

Berdasarkan pemerhatian pengkaji rumah limas Johor yang terdapat di enam mukim masih wujud namun bilangan ianya berkurangan oleh kerana beberapa faktor antaranya pembukaan dan pembinaan semula rumah menggunakan bahan konkrit, harga bahan kayu yang semakin mahal dan pembaharuan tingkap kayu kepada tingkap kaca. Selari dengan hasil kajian Mohamad Tajuddin, Zumahiran dan Ismail (2006) (2008), bahawa rumah tradisional diruntuhkan satu demi satu oleh kerana mengejar arus kemodenan. Bukan zaman kemajuan yang perlu dipersalahkan namun sebagai masyarakat yang mahu mengekalkan edentiti warisan seni bina Johor maka perlu ada fasad reka bentuk rumah limas Johor yang perlu di kekalkan.

Rumah limas Johor di Mukim Parit Bakar masih ada utuh berdiri dan masih mengekalkan bahan yang asli dan reka bentuk yang asal. Setiap seni bina rumah yang didirikan oleh tuan empunya rumah mempunyai sejarah, fungsi dan keperluan tersendiri. Sukar untuk kita lihat pembinaan rumah tradisional Melayu yang dibina menggunakan bahan sepenuhnya daripada kayu pada masa kini dan ianya perlu dicampur penggunaan dengan bahan konkrit. Walaubagaimanapun kita perlu terima pembaharuan yang dilakukan oleh tukang kayu pada masa kini bagi memanjagkan jangka hayat dan kekuatan rumah tersebut.



**Rajah 5.3:** Pembinaan Rumah Limas di Parit Bakar, Muar  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkaji pada 24 Ogos 2022)


### **5.3 Perbincangan Mengenai Tahap Pemuliharaan Rumah Tradisional Melayu Johor**

Memulihara dan memelihara satu aktiviti yang perlu diteruskan terhadap bangunan bersejarah, rumah tradisional atau tapak warisan yang ada di negara kita ini. Pemuliharaan bangunan yang dilakukan kepada bangunan-bangunan yang sering diketahui umum seperti bangunan Sultan Abdul Samad, Rumah Penghulu Abdul Ghani, Merlimau, Melaka dan Masjid Lama Kampong Kuala Dal, Padang Rengas, Kuala Kangsar, Perak dan ianya tidak melibatkan rumah tradisional yang masih ada di daerah yang dikaji oleh pengkaji. Berdasarkan Senarai Projek Konservasi Jabatan Warisan Negara Tahun 2006 Hingga 2021 hanya terdapat empat kerja-kerja konservasi yang dijalankan dan tiada satu yang melibatkan rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar.

Berdasarkan hasil dapatan kajian menunjukkan tahap pemuliharaan bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak konservator bangunan bagi pemuliharaan rumah dan memulihara rumah tradisional Melayu Johor mengikut Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan daripada Jabatan Warisan Negara masing-masing menunjukkan jumlah kekerapan tertinggi pada skala likert 3 iaitu tidak pasti. Oleh kerana masyarakat kurang didedahkan berkaitan pihak konservator dan khidmat yang disediakan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.

#### 5.4 Perbincangan Mengenai Keistimewaan Reka bentuk Fasad Rumah Tradisional Melayu Johor.

Setiap seni bina yang terukir mempunyai keistimewaan tersendiri bagi menonjolkan identitinya sebagai lambang sesebuah negara, negeri dan masyarakat tempatan. Fasad memainkan peranan yang penting bagi memperlihatkan reka bentuk sesebuah rumah tradisional Melayu. Terdapat juga ruang-ruang di dalam rumah yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Seperti rumah limas Johor terdapat 6 ruang iaitu anjung, serambi, rumah ibu, ruang bilik, selang dan rumah dapur. Fungsi ruang di dalam rumah limas johor menjadi panduan kepada ahli keluarga di dalam rumah tersebut bagi mewujudkan suasana keluarga yang musyawarah dan damai di dalam sesebuah rumah limas Johor. Fungsi ruang ini sejajar dengan pernyataan daripada menurut Ar Mastor Surat, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Kamarudin Ab. Razak (2010) bahawa Rumah tradisional Melayu di Malaysia terutama di Semenanjung mempunyai konsep, falsafah ruang dan fungsi yang hampir sama berasaskan kepada ajaran agama Islam dan budaya Melayu.



**Rajah 5.4:** Buku Limas Johor; Seni bina dan Pensejarahan 2010  
(Sumber: Gambar di ambil oleh pengkaji pada 24 Ogos 2022)

Di samping itu, untuk menghasilkan fasad reka bentuk rumah limas yang sempurna dan untuk ianya memerlukan kepakaran dan kemahiran dalam tukang agar hasilnya seni membawa kepada satu identiti yang bermakna. Sehubungan itu, menurut Zulkifli Hanifi & Ahmad Zakuiilfuad Yahya (2005), seni bina melayu merupakan cabang daripada bidang seni yang memerlukan kemahiran yang tinggi, daya kreativiti dan kerajinan luar biasa di samping daya pengamatan yang tinggi. Dengan kesungguhan dan penghayatan seni yang tinggi maka terhasilnya fasad reka bentuk bumbung Limas yang menjadi kebanggaan rakyat Johor dengan struktur bumbung yang masih digunakan sehingga hari ini. Pembawakan oleh sejarah penghijrahan dan penempatan sesebuah Kawasan itu telah mengubah struktur reka bentuk bumbung bujang kepada fasad reka bentuk bumbung limas. Perkara ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Sabihah (25 Mar 2021), ciri bumbung pada rumah tradisional Melayu terdiri daripada bumbung tetap dan kemudiannya berubah kepada bentuk limas (bumbung limas) atau dikenali juga sebagai Bumbung Belanda selepas kedatangan penjajah serta bentuk bumbung yang condong sesuai dengan iklim tropika hujan, panas dan lembab. panas

## 5.5 Cadangan

Rumah tradisional Melayu Johor boleh menjadi satu ikon pelancongan di Negeri Johor di mana mempromosikan mukim-mukim di daerah Muar yang masih mengekalkan seni bina rumah Limas Johor ini. Dengan mempromosikan seni bina rumah Limas Johor dapat memberi inspirasi kepada mereka yang meminati dari seni bina kayu, ukiran dan tradisional dapat membina rumah Limas Johor ini. Pengkaji mencadangkan pada penyelidik akan datang untuk meneruskan pencarian dan perekodan rumah limas Johor di lima buah Mukim seperti Ayer Hitam, Bukit Kepong, Lenga, Jorak, dan Sungai Terap bagi mengetahui bilangan yang masih terdapat di setiap Mukim

Seterusnya penyelidik akan datang boleh mengkaji berkaitan teknik pertukangan rumah limas yang digunapakai oleh tukang kayu di Muar, Johor. Hal ini dapat mendokumentasikan cara pertukangan bagi di perkenalkan kepada generasi akan datang. Kajian tersebut juga dapat mengetahui bahawa tukang seni bina tidak semua yang mahir dalam ilmu kayu. Seperti yang dikatakan oleh Tukang Kayu Encik Elias "*Semua penukang rumah boleh membina rumah, namun tidak semestinya penukang tersebut mahir tentang seni bina rumah kayu*". Oleh itu, sebagai generasi muda kita perlu mempelajari daripada bidang yang kita inginkan ianya bukan untuk keperluan utama untuk berjaya dalam hidup namun ilmu yang dipelajari seperti tukang kayu dapat di manfaatkan dan dikongsi oleh mereka yang memerlukan.

## 5.6 Kesimpulan

Pemuliharaan terhadap rumah Limas Johor perlu dipandang serius bagi menjaga nilai warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Bahan daripada kayu sememangnya menunjukkan peningkatan harga yang tinggi namun dengan ilmu yang ada dapat kita menjimatkan kos binaan kayu dengan mengguna semula kayu yang masih baik dan digunakan untuk pemuliharaan rumah. Rumah Limas Johor tidak dapat menandingi rumah moden zaman kini namun nilai seni, reka bentuk dan adab yang ada pada seni bina rumah Limas Johor amatlah tinggi nilainya. Falsafah rumah tradisional Melayu mengajar kita kehidupan sebagai manusia uantuk saling bergantung diantara satu sama lain seperti ruang-ruang yang ada pada rumah Limas Johor.

Keistimewaan fasad reka bentuk rumah limas Johor memberi keunikan pada rumah tersebut mengikut kehendak tuan empunya rumah dan masih mengekalkan sopan dan adab pada reka bentuk rumah tersebut. Tidak disangkal ramai pengkaji yang berusaha membuat kajian berkaitan rumah Limas Johor ini, namun tanpa kesedaran daripada pihak tuan rumah ianya tidak memberi apa-apa perubahan pada pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor. Oleh itu, kita perlu berganding bahu membantu memartabatkan seni bina rumah Limas Johor bagi dipamarkan kepada masyarakat luar mahupun di dalam negeri Johor ini.

## 5.7 Penutup

Rumah limas Johor terkenal dengan perabung limanya, maka reka bentuk tersebut perlu dikekalkan dan dilakukan pada rumah moden masa kini walaupun bahannya tidak digunakan daripada kayu. Pejabat kerajaan mahupun istana sultan perlu mempunyai ciri rumah limas agar menguatkan lagi seni bina tersebut. Pelbagai cadangan pemuliharaan boleh dilakukan terhadap rumah Limas Johor ini tetapi pokok pangkalnya perlu tanya pada diri sendiri wajarkan pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor dan pengekalannya rumah asal tradisional Johor ini untuk kepentingan diri sendiri, masyarakat, kerajaan negeri dan negara. Pengkaji berharap dengan kajian kes di 6 buah mukim yang telah dipilih di daerah Muar dapat menjadi bahan rujukan kepada masyarakat terutama rakyat Johor. Seni reka bentuk rumah limas tidak asing lagi untuk diperkatakan dan dibincangkan oleh kerana terdapat kajian-kajian lepas yang telah di tulis. Oleh itu, dengan adanya penambahbaikan dan kajian terhadap rumah limas ini dapat menjaga nilai warisan, keaslian dan kepentingan rumah limas tersebut. Bak kata peribahasa "*tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*" berkaitan pemetaan rumah limas Johor, tahap pemuliharaan dan keistimewaan reka bentuk fasad rumah limas Johor.



**RUJUKAN**

- Ahmad Faisol Yusof, Tajul Edrus Nordin, Zakaria Yaa'cob (2021). Lukisan Terukur Rumah Tradisional Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Angsar, A. M. (1989). Falsafah Seni Bina Tradisional Melayu Bugis di Parit Pecah, Muar, Johor.
- AS Hornby (et. Al) (1980), Kamus Progresif Inggeris-Melayu, cet Ke 4, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 186
- Azizi Sharin, Jamaluddin Yusof dan Abdul Rahim. 2007. Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. PTS Profesional. Kuala Lumpur.
- Azreena binti Abu Bakar, Nangkula Utaberta (2013) Motif-Motif Pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu.  
<https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/95>
- Blanche and Durrheim (1999), Research in Practice. Cape Town: University of Cape Town Press, h. 17.
- Creswell, J.W., & Poth, C.N. 2018. Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches. 4th edition. Los Angeles, CA: Sage.
- Daeng Haliza Daeng, Jamal, Zuliskandar Ramli. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglinatan komuniti setempat dalam suai guna semula. M.s (468-469).  
<http://journalarticle.ukm.my/17653/1/47195-156817-1-PB.pdf>
- Faizah A. Karim, Rafidah Sinone, Juliyana Baharudin, Norashikin Sahadan (2005). "Keperluan Pembelajaran Berasaskan Multimedia bagi Subjek Sistem Elektronik 1: Satu Kajian Rintis di Politeknik Pasir Gudang (PJB)". Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, UTM, 15 Oktober 2005.
- Fink. (1998), Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet. Thousand Oak: Sage, h. 3.
- Fink, Arlene. 2019. Conducting Research Literature Reviews: From the Internet to Paper. Sage publications.
- Hafizah Iskandar (2016 August 1) Rumah Limas 100 Tahun Dipulihara. Berita Harian Online.
- Hanita binti Yusof. (2018). Identiti Ukiran Kayu Bagi Rumah Limas Johor. Universiti Teknologi Malaysia. Hanita Yusof, M.F.I Mohd-Nor (2021). Identiti Dan Tipologi Motif Ukiran Kayu Bagi Rumah Limas Johor.  
<http://eprints.utm.my/id/eprint/84044/1/HanitaYusofPFAB2018.pdf>

- Haziyah Hussin, Salmah Abu Mansor, Rahilah Omar, Hapsah Ismail, Aminuddin Hassan, Seni, Seni Hias, Seni Reka, Reka Bentuk Dan Estetika Daripada Persepsi Umum Dan Orang Melayu (General And Malay Perception Of Art, Decorative Art, Art Design, Design And Aesthetics), Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 20, 2009.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/download/9669/6820/19493>
- Howe, B.J., Fleming, D.A. dan Kemp, E.L. 1997. House and Homes: Exploring Their History. Lanham, MD 20706: AltaMira Press.
- Junita Mat Rasid (3 Jun 2008) Rumah Limas Dipulihara. Harian Metro.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kerlinger, F.N. (1970). Foundation of behavioural research. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kassim Thukiman. (2011). Sejarah Johor Dalam Pelbagai Perspektif. Johor Darul Ta'zim. Penebit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Loriane Blaxter, Christina Hughes & Malcom Tight (2002), How to Research (ed. 2) Buckingham: Open University Press, h. 122
- Marican, S. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad (2021). Cabaran Kesenambungan Warisan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu Di Semenanjung Malaysia: Solusi Ke Arah Memartabatkan Seni Budaya Warisan Ketamadunan Melayu.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Khairuddin Mohd Yusoff. 2006. "Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645): perundangan dan peraturan mengesport dan mengimpor butiran warisan kebangsaan". Forum Kurator. Auditorium: Jabatan Muzium Malaysia.
- Mohd. Yusof Hj. Othman, 2005. Pembinaan Konseptual dalam Pembelajaran di IPT. Dalam Mahasiswa Abad ke 21. Fakulti Pendidikan, UKM, Yayasan Istana Abdul Aziz dan Projek Manara Gading. ISBN 983-2975-25-5. hlm 113-130
- Naoum, S. (2003). Dissertation Research & Writing for Construction Students 2nd ed. Oxford: Butterworth-Heinemann.
- Norhaiza Noordin (2005). Mengekalkan Motif Ukiran Kayu Tradisi Masa Kini (Contemporary Application of Traditional Woodcarving Motif). Proceedings of the International Seminar Spirit and form of Malay Heritage. Department of Museum and Antiquity and Department of Applied Arts and Design,

Kulliyyah of Architecture and Environmental Design, International Islamic University Malaysia.

Norazila binti Kamarulzaman. (2019). Pengaruh Suku Kaum Jawa Dan Bugis Dalam Membentuk Kepelbagaian Seni Bina Johor. Universiti Teknologi Malaysia. In <http://eprints.utm.my/id/eprint/81742/1/NorazilaKamarulzamanMFABU2019.pdf>.

Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Aziz Ujang. (2014). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2), 2014: 105 – 111.

Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Aziz Ujang. (2014). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2), 2014: 105 – 111.

Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Aziz Ujang (2014). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan Terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional.

Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mastor Surat. (2017). Reka Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan Dipengaruhi Oleh Adat Dan Kedaerahan. *Malaysia Journal of Creative Media, Design and Technology*, 1 (1). [https://rekajournal.usm.my/images/Volume\\_1/paper14M\\_035-small.pdf](https://rekajournal.usm.my/images/Volume_1/paper14M_035-small.pdf)

Norhaiza Noordin (2015). Transformasi Ukiran Tradisi Kepada Kontemporari: Pengalaman Seorang Pengukir. Dalam: *Nuansa Ukiran Kayu Melayu*. (pp 11-16). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Nur Sabihah. (25 Mar 2021). Kenali 9 jenis rumah-rumah tradisional di Malaysia dan keunikannya. [jenis- rumah-rumah-tradisional-di-malaysia-dan-keunikannya-malayoc/https://www.iproperty.com.my/lifestyle/inspiration/kenali-9-](https://www.iproperty.com.my/lifestyle/inspiration/kenali-9-jenis-rumah-rumah-tradisional-di-malaysia-dan-keunikannya-malayoc/)

Nurul Shahira (2019). Kajian Kes Di Rumah Hajah Indok Chichuk Dan Abdul Hadi Di Kampung Sungai Kual, Kukup, Pontian. Universiti Malaysia Kelantan. In <http://umkeprints.umk.edu.my/11674/>

Othman Talib. 2013. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang, Selangor: Pernebit Universiti Putere Malaysia.

Patton, M.Q. (1990). "Qualitative Evaluation and Research Methods." London: Sage Publications.

Portal Majlis Pemandaran Muar. <https://www.mpmuar.gov.my/ms/pelawat/info-muar/page/0/1>

Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara. <https://www.heritage.gov.my/index.php>

- Profesor Dr. Mohd. Tajuddin bin Mohd. Rasdi (2018). Houses of Malay Personalitie. Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur.
- Raja Nafida Raja Shahminan. (2007). Senibina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. Adat Perpatih - Esei Pilihan ,191-197.
- R.Kuberan et al. (2013). Teks Efektif STPM Pengajian Am (Penggal 2) 900/2. Petaling Jaya, Penerbit Ilmu Bakti Sdn Bhd.
- Sidharta, Lani (1996). Internet Informasi Bebas Hambatan. Elex Media Komputindo, Jakarta.
- Sekaran, Uma (2003). “Research Methods For Business – A skill Building Approach”. New York:John Wiley and Sons, Inc. In [http://eprints.utm.my/id/eprint/10511/1/Tahap\\_Pengurusan\\_Perniagaan\\_Dalam\\_Industri\\_Kecil\\_Dan\\_Sederhana.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10511/1/Tahap_Pengurusan_Perniagaan_Dalam_Industri_Kecil_Dan_Sederhana.pdf)
- Yin, R, K. 2003. Case Study Research, Design and Methids, 3rd Edition. Beverly Hills, California: Sage Publications.
- Zulkifli Hanafi, Ahmad Zakiulfuad Yahaya. (2005). Seni Bina Melayu. Kulim Kedah: Amber-Solara Publication.



# LAMPIRAN

UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

Senarai soalan temu bual tuan rumah:

Bil	Soalan
1	Berapakah usia rumah Limas Johor?
2	Adakah anda pemilik atau pewaris rumah Limas Johor ini?
3	Bagaimanakah cara pemuliharaan rumah Limas Johor anda?
4	Adakah terdapat sebarang kerosakan atau kecacatan pada rumah Limas Johor anda?
5	Adakah anda melakukan pemeriksaan struktur reka bentuk rumah sebulan sekali?
6	Berapa kerap anda menggunakan ubat pencengahan anai-anai pada rumah Limas Johor?
7	Pernahkah rumah Limas Johor ini diubahsuai atau di tambah struktur rumah lain?
8	Adakah anda menggunakan cat yang sama pada permukaan rumah Limas?
9	Wajarkah rumah Limas ini dipulihara untuk masa akan datang?
10	Adakah faktor cuaca mempengaruhi kerosakan dan kecacatan rumah Limas anda?

## TEMU BUAL TUKANG KAYU DI PARIT AMAT

Pengkaji	Encik Elias
Nama penuh dan umur pakcik?	Saya pakcik Elias bin Robani. Berumur 48 tahun
Sudah berapa lama pakcik Elias berkecimpung dalam pertukangan?	Mula berjinak dalam seni ukiran kayu pada usia 10 tahun dan membantu ayah pakcik di bengkel tukang kayu.
Ciri-ciri utama rumah Limas menurut pakcik?	Rumah Limas Johor mempunyai pecahan bumbung. Ada bumbung besar, anak bumbung, ada anjung
Wajar atau tidak rumah Limas Johor dipulihara?	Wajar, untuk pemuliharaan generasi akan datang dan penuh dengan seni dan sopan satun. Cara pembinaan orang dahulu mengfokuskan kepada pengudaraan
Kos binaan rumah batu bata atau rumah bahan binaan kayu yang lebih mahal?	Kos binaan rumah dari kayu sememangnya lebih namun, kemahiran untuk merealisasikan rumah Limas juga mahal. Bukan semua orang boleh buat. Maksudnya disini tukang batu boleh bina rumah tradisional tetapi tidak akan sampai macam mana tukang kayu buat. Ada bahagian-bahagian yang memerlukan kehalusan kesenian seperti tanggam.
Jenis tingkap rumah Limas Johor?	Ciri tingkap utama rumah Limas Johor adalah tingkap yang labuh, sama ada di letak kaca, panel kembang atau bilah-bilah.
Kenapa ada perbezaan ketinggian rumah Limas atas dahulu dan sekarang?	Kenapa ramai orang sekarang membina tiang yang tinggi atas faktor sekarang tanah yang terhad, tiada ruangan parking untuk kereta
Adakah terdapat negeri lain yang menggunakan reka bentuk rumah Limas Johor?	Ikutkan semua negeri ada bumbung limas Johor dan di zaman moden sekarang ada juga reka bentuk bumbung Limas Johor namun yang membezakan adalah jenis bahan yang digunakan
Jenis kekemasan bumbung yang digunakan pada atap rumah limas bagaimana?	Kita sebetulnya perlu ikut tahun binaan rumah tersebut. Biasanya juga tahun 30-an hingga 40-an pada masa tersenut telah menggunakan kekemasan bumbung jenis zink. Jika rumah Limas yang lebih awal sudah tiada reka bentuknya kerana sukar untuk dikekalkan kerana bahan yang digunakan daripada bahan oorganik.
Genting zink atau gentik tanah liat tidak mengubah reka bentuk bumbung rumah Limas tersebut?	Tidak berubah, Cuma yang membezakan ada jenis bahan yang digunakan sama ada atap zink mahun pun atap dari tanah liat.



Temu bual bersama Pacik Elias tukang kayu di Parit Amat  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkahi pada 20 september 2022)



Gambar bersama Pakcik Elias bin Robani  
(Sumber: Gambar diambil oleh pengkahi pada 20 september 2022)



## TEMU BUAL BERSAMA PEMILIK RUMAH LIMAS



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Puan Suhana binti Sukardi



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Encik Mokhtar Bin Masot



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Abdul Jalal Bin Dollah



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Barudhin Bin Abdul Rahman



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Mohd Hanfiah Bin Kemad



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Halimaton Binti Hussin



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada anak Puan Hasiah binti Ramlan



Temu bual dan edaran borang soal selidik kepada Abdullah Bin Musa

UNIVERSITY  
MALAYSIA  
KELANTAN

Surat kebenaran dari Fakulti FTKW:



Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI (Our Ref) : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (17)  
TARIKH (Date) : 27 JULAI 2022

Mukim Di Daerah Muar  
Pos 17-5, Batu 2  
84000 Muar  
Johor

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Nurul Huda Binti Azman	C19A0661	991231015024	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keujian


3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"**  
**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

## BORANG SOAL SELIDIK DAN INVENTORI

Borang soal selidik dan borang inventori keistimewaan reka bentuk fasad rumah tradisional Melayu Johor di daerah Muar, Johor.

**Bahagian A: Demografi responden**

**Bahagian B: Menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.**

**Bahagian A: Demografi responden. (Tanda pada petak yang bersesuaian).**

**Jantina:**

Lelaki  Perempuan

**Pekerjaan:**

Sektor kerajaan  Sektor swasta  Kerja sendiri

**Umur:**

35 tahun ke bawah  36-55 tahun  56-77 tahun  78-99 tahun

**Mukim menetap:**

Bukit Kepong	<input type="checkbox"/>	Sri Menanti	<input type="checkbox"/>
Lenga	<input type="checkbox"/>	Parit Jawa	<input type="checkbox"/>
Jorak	<input type="checkbox"/>	Parit Bakar	<input type="checkbox"/>
Air Hitam	<input type="checkbox"/>	Sungai Terap	<input type="checkbox"/>
Sungai Balang	<input type="checkbox"/>	Jalan Bakri	<input type="checkbox"/>
Bandar	<input type="checkbox"/>		

**Usia rumah (Tahun)**

30  40  50  60 tahun ke atas

**Bahagian B: Menganalisis tahap pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.**

**(Tanda pada ruang yang bersesuaian)**

Terdapat 20 senarai pemuliharaan bagi memelihara rumah tradisional Melayu Johor berdasarkan **Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan** daripada Jabatan Warisan Negara Julai 2012. Dengan menggunakan Skala Likert iaitu skala 1 hingga 5, nyatakan bagaimana rumah tradisional Melayu Johor dipulihara. Setiap nombor mewakili seperti:

**1- Sangat Tidak Setuju (STS) 2- Tidak Setuju (ST) 3-Tidak Pasti (TP) 4- Setuju (S) 5- Sangat Setuju (SS)**

Bil	Perkara	1	2	3	4	5
1	Merekod terlebih dahulu jenis kerosakan pada struktur rumah yang mengalami kerosakan.					
2	Merekod terlebih dahulu punca kerosakan yang dialami.					
3	Merekod dan menyenaraikan jenis bahan yang digunapakai pada seni bina rumah tradisional Melayu Johor.					
4	Mengekalkan penggunaan bahan yang asli untuk pemuliharaan rumah tradisional Melayu Johor.					
5	Melakukan pemeriksaan struktur reka bentuk rumah sebulan sekali.					
6	Membuat rawatan pencegahan anai-anai pada struktur kayu yang digunakan pada pembinaan rumah tradisional Melayu Johor.					
7	Mengupah tukang kayu yang mahir dalam seni bina rumah tradisional Melayu Johor.					
8	Ragam hias pada fasad rumah dikekalkan bagi menjaga keaslian sejarah dan identiti sesebuah masyarakat.					
9	Menggunakan cat yang asli atau seakan sama dengan warna cat terdahulu.					
10	Mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak konservator bangunan bagi pemuliharaan rumah.					







11	Memulihara rumah tradisional Melayu Johor mengikut Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan daripada Jabatan Warisan Negara.					
12	Melakukan penyelenggaraan rumah Tradisional Melayu Johor untuk kelihatan utuh dan cantik.					
13	Struktur bumbung yang mengalami kerosakan digantikan dengan kekuatan jenis kayu dan kekemasan yang sama.					
14	Mengganti kekemasan bumbung mengikut keseluruhan rupa bentuk dan jenis bahan sebagaimana rumah yang asal.					
15	Mengekalkan kayu lantai asal yang masih baik.					
16	Meyabungkan kayu lantai yang masih baik dengan kayu lantai baharu yang sama jenis dan saiz yang sama sekiranya perlu.					
17	Baik pulih pintu dan tingkap berdasarkan punca kerosakan yang di alami dan bukan mengikut kehendak seperti kelihatan lebih cantik.					
18	Mengekalkan struktur tangga mengikut bentuk dan seni rupa tangga yang asal.					
19	Mengenalpasti corak ukiran asal dan mengukir semula dengan ukiran yang sama dengan bantuan tukang ukir tradisional.					
20	Mengikis cat di bahagian struktur dinding rumah menggunakan teknik yang tidak memberi kesan teruk pada keadaan struktur rumah asal.					






KELANTAN

<b>INVENTORI KAJIAN KEISTIMEWAAN REKA BENTUK FASAD RUMAH TRADISIONAL MELAYU JOHOR</b>			
<b>LATAR BELAKANG PEMILIK RUMAH</b>			
1	Nama pemilik kini (1):	2	Nama asal pemlik rumah(2):
3	Mukim:	3	Hubungan (1) dan (2):
4	Jenis bumbung rumah:  Rumah bumbung Panjang (    ) Rumah bumbung Perabung Lima (    ) Rumah bumbung Limas (    ) Rumah bumbung Limas Belanda (    )	5	Alamat rumah:
6	Tahun rumah di bina:	7	Keturunan:
<b>KEISTIMEWAAN REKA BENTUK FASAD RUMAH TRADISIONAL MELAYU JOHOR</b>			
8	Bumbung rumah  	Keadaan bumbung: Sangat baik <input type="checkbox"/> Memuaskan <input type="checkbox"/>  Maklumat tambahan:	Baik <input type="checkbox"/>  Uzur <input type="checkbox"/>



<p>9</p>	<p><b>Kemasan genting bumbung</b></p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p>Genting tanah liat</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Genting asbestos</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Genting konkrit</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Genting keluli</p> </div> </div> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p><b>Keadaan genting bumbung:</b></p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p>
<p>10</p>	<p><b>Ragam hias pada:</b></p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p>Pintu ( )</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Jendela ( )</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Tangga ( )</p> </div> <div style="text-align: center;">  </div> </div> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p><b>Keadaan ragam hias:</b></p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Tebar layer ( ) <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Papan pemanis ( )</p>
<p>11</p>	<p><b>Dinding</b></p> <div style="display: flex;">   </div> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p><b>Keadaan dinding:</b></p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p>

<p>12</p>	<p><b>Tiang</b></p> 	<p>Keadaan tiang:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p>13</p>	<p><b>Pelapik tiang</b></p> 	<p>Keadaan pelapik tiang:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/></p> <p>Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/></p> <p>Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>
<p>14</p>	<p><b>Tangga</b></p> 	<p>Keadaan tangga:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p>15</p>	<p><b>Pintu</b></p> 	<p>Keadaan pintu:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>
<p>16</p>	<p><b>Tingkap/Jendela</b></p> 	<p>Keadaan tingkap/jendela:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p>17</p>	<p><b>Lantai</b></p> 	<p>Keadaan lantai:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>

<p>18</p>	<p>Anjung</p> 	<p>Keadaan anjung:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/></p> <p>Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/></p> <p>Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p>19</p>	<p>Serambi</p> 	<p>Keadaan serambi:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/></p> <p>Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/></p> <p>Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>
<p>20</p>	<p>Ruang rumah Ibu</p> 	<p>Keadaan ruang rumah Ibu:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/></p> <p>Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/></p> <p>Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>	<p>21</p>	<p>Ruang bilik:</p> 	<p>Keadaan ruang bilik:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/> Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/> Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>
<p>22</p>	<p>Ruang selang dan dapur</p> 	<p>Keadaan ruang selang dan dapur:</p> <p>Sangat baik <input type="checkbox"/></p> <p>Baik <input type="checkbox"/></p> <p>Memuaskan <input type="checkbox"/></p> <p>Uzur <input type="checkbox"/></p> <p>Maklumat tambahan:</p>			